ڤليتا بروني
# Pelita BRUNEI Hujung Minggu
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
*Membudayakan Masyarakat Bermaklumat*

ڤتيقن تيته
**PETIKAN TITAH**

"PRODUKTIVITI dan efisiensi memanglah kita utamakan, tetapi bukanlah mesti dengan membebankan perkara-perkara yang sepatutnya tidak perlu dibuat. Kaedah-kaedah baru boleh sahaja dicuba, tetapi bukan mesti yang sifat teruk lagi membebankan. Pada beta, kaedah-kaedah lebih mesra adalah lebih utama dan berpatutan."
- Titah Sempena Menyambut Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-28.

مانيسڽ ايمان
**MANISNYA IMAN**

"JANGANLAH kamu mengeluarkan mereka dari rumah-rumah tempat kediaman mereka dan janganlah pula mereka keluar (sehingga selesai 'iddah mereka) kecuali jika mereka melakukan perbuatan keji yang nyata. Dan demikianlah hukum-hukum Allah (maka janganlah kamu melanggarnya). Dan sesiapa yang melanggar hukum-hukum Allah itu maka sesungguhnya dia telah menganiaya dirinya sendiri. (Patuhilah hukum-hukum itu, kerana) engkau tidak mengetahui boleh jadi Allah akan mengadakan sesudah itu sesuatu perkara (yang lain)."
- (Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah at-Thalaq, ayat 1).

*Waktu Sembahyang*

| IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 5.01 | 5.11 | 6.33 | 6.57 | 12.30 | 3.52 | 6.25 | 7.39 |

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 62 / BILANGAN 6 | 14 JANUARI 2017 / 1438 ربيع الأخير 16 | JABATAN PENERANGAN | EDISI SABTU / PERCUMA

# Kebawah DYMM berangkat ke Upacara Pengebumian Ketua Menteri Sarawak

**Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri**
**Foto : Mohamad Azmi Awang Damit dari Kuching, Sarawak**

**KUCHING, SARAWAK**, Khamis, 12 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam selamat berangkat tiba di Kuching, Sarawak untuk menghadiri Upacara Pengebumian Allahyarham Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Dr. Datuk Patinggi Haji Adenan bin Haji Satem, di Masjid Jamek, Petra Jaya, Kuching, Sarawak.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching dijunjung oleh Speaker Dewan Undangan Negeri Sarawak, Yang Berhormat Datuk Amar Haji Mohd. Asfia bin Awang Nassar, selaku Menteri Pengiring dan isteri; dan Menteri Muda Perumahan dan Menteri Muda Belia dan Sukan, Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Karim Rahman Hamzah.

**Ke muka 3**



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berangkat ke Upacara Penghormatan terakhir bagi Allahyarham Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Dr. Datuk Patinggi Haji Adenan bin Haji Satem, di Masjid Jamek, Petra Jaya, Kuching, Sarawak.**

# Pelantikan keahlian Majlis Mesyuarat Negara baharu

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 12 Januari. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, berikutan dengan pembubaran Majlis Mesyuarat Negara (MMN), dengan ini dimaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan titah perintah bagi pelantikan keahlian MMN yang baharu, seperti berikut :-

**Yang Di-Pertua**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib.

**A. Ahli-Ahli Rasmi Kerana Jawatan (Perdana Menteri dan Menteri-Menteri) Menurut Ceraian 1 (a) (i) dari Jadual Kedua Perkara 24 (1)**

1. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan.

2. Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

**Ke muka 2**

# Berkenan berangkat ke Majlis Perhimpunan Khas Wanita



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam dan kerabat diraja yang lain berkenan berangkat ke Majlis Perhimpunan Khas Wanita sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara Bagi Tahun 1438 Hijrah. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman (*Lihat muka 4 dan 5*).**

IKUTI KAMI DI
infodept.bn | @Infodept_bn | Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri

# Kebawah DYMM utus takziah kepada Yang Di-Pertua Negeri Sarawak

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 11 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam telah berkenan menghantar titah perutusan takziah kepada Yang Di-Pertua Negeri Sarawak, Tuan Yang Terutama Tun Dato Laila Utama Pehin Sri Dr. Haji Abdul Taib bin Mahmud berikutan dengan kembali ke rahmatullah Ketua Menteri Sarawak, Yang Amat Berhormat Tan Sri (Dr.) Datuk Patinggi Haji Adenan bin Haji Satem baru-baru ini.

Dalam perutusan tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berasa terkejut mengetahui tentang kembalinya ke rahmatullah Yang Amat Berhormat Tan Sri (Dr.) Datuk Patinggi Haji Adenan, yang akan sentiasa diingati sebagai sahabat rapat yang banyak menyumbang dalam mempertingkatkan hubungan peribadi dan akrab di antara Negara Brunei Darussalam dan Negeri Sarawak.

Dalam mengakhiri perutusan tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha ingin menyampaikan ucapan takziah dan rasa simpati yang amat mendalam kepada Tuan Yang Terutama dan keluarga serta Kerajaan Negeri Sarawak terutamanya kepada keluarga Allahyarham Tan Sri (Dr.) Datuk Patinggi Haji Adenan, dan seterusnya berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala mencucuri rahmat-Nya ke atas roh Allahyarham dan menempatkannya di kalangan orang-orang yang beriman dan beramal soleh.

Dari muka 1

# Pelantikan keahlian Majlis Mesyuarat Negara baharu

3. Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong,
Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

4. Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman,
Menteri Pendidikan.

5. Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim,
Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua).

6. Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng,
Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua).

7. Yang Berhormat,
Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar,
Menteri Tenaga (Energy) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri.

8. Yang Berhormat,
Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman,
Menteri Hal Ehwal Ugama.

9. Yang Berhormat,
Dato Seri Setia Awang Haji Bahrin bin Abdullah,
Menteri Pembangunan.

10. Yang Berhormat,
Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong,
Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

11. Yang Berhormat,
Dato Seri Setia Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat,
Menteri Perhubungan.

12. Yang Berhormat,
Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof,
Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

13. Yang Berhormat,
Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi,
Menteri Kesihatan.

**B. Orang-Orang bergelar menurut Ceraian 1 (a) (ii) dari Jadual Kedua Perkara 24 (1)**

14. Yang Berhormat,
Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal.

15. Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Awang Haji Sabtu.

16. Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim.

**C. Orang-orang yang telah mencapai kecemerlangan menurut Ceraian 1 (a) (iv) dari Jadual Kedua Perkara 24 (1)**

17. Yang Berhormat,
Awang Haji Umarali bin Esung.

18. Yang Berhormat,
Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Arshad @ Haji Sabli.

19. Yang Berhormat,
Awang Ong Tiong Oh.

20. Yang Berhormat,
Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman.

21. Yang Berhormat,
Dayang Hafimi binti Abdul Haadii.

22. Yang Berhormat,
Dayang Khairunnisa binti Ash'ari.

23. Yang Berhormat,
Awang Iswandy bin Ahmad.

**D. Wakil yang dilantik dari Daerah-Daerah menurut Ceraian 5 (1) dari Jadual Kedua Perkara 24 (1).**

24. Yang Berhormat, Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon,
Penghulu Mukim Berakas 'B',
Daerah Brunei dan Muara.

25. Yang Berhormat,
Awang Naim bin Haji Kamis,
Penghulu Mukim Kota Batu,
Daerah Brunei dan Muara.

26. Yang Berhormat,
Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin,
Penghulu Mukim Gadong 'A',
Daerah Brunei dan Muara.

27. Yang Berhormat,
Awang Haji Mohaimin bin Haji Johari @ Jahari,
Ketua Kampung Limau Manis,
Daerah Brunei dan Muara.

28. Yang Berhormat, Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman,
Ketua Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong, Daerah Brunei dan Muara.

29. Yang Berhormat,
Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin,
Penghulu Mukim Liang,
Daerah Belait.

30. Yang Berhormat,
Awang Hanapi bin Mohd. Siput,
Ketua Kampung Labi I,
Daerah Belait.

31. Yang Berhormat,
Awang Haji Abdul Wahab bin Apong,
Penghulu Mukim Tanjong Maya, Daerah Tutong.

32. Yang Berhormat, Awang Haji Ramli bin Haji Lahit,
Penghulu Mukim Telisai,
Daerah Tutong.

33. Yang Berhormat,
Awang Haji Emran bin Haji Sabtu,
Penghulu Mukim Bokok,
Daerah Temburong.

**E. Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara**

Yang Dimuliakan,
Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin bin Haji Asar.

Tarikh lantikan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara yang baharu itu berkuat kuasa mulai hari Jumaat, 15 Rabiulakhir 1438 bersamaan 13 Januari 2017.

## Dari Sidang Pengarang

14 JANUARI 2017 BERSAMAAN 16 ربيع الأخر 1438

### JADILAH PENGGUNA BIJAK

**KEMUDAHAN** teknologi yang sentiasa progresif seharusnya digunakan sebaik mungkin dan potensi teknologi tersebut perlu dimanfaatkan ke arah kebaikan. Penggunaan yang betul bukan sahaja boleh membantu dalam pembangunan malahan juga ke arah kesejahteraan sesebuah komuniti.

Sebagai pengguna teknologi, kita mempunyai peranan untuk menggunakannya dengan penuh tanggungjawab.

Bagaimanapun dari sudut pembangunan aplikasi, perlu juga difikirkan bagaimana aplikasi mudah alih yang dicipta boleh membantu kepada kesejahteraan dan bukan sahaja melihat kepada keuntungan monetari semata-mata.

Pada 28 November 2016 yang lalu, Bahagian Hal Ehwal Pengguna (CAD), Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE), Jabatan Perdana Menteri melancarkan Aplikasi PenggunaBijak atau SmartConsumer bersempena Acara Brunei Salebration (BSb) 2016 dengan tujuan utama memperkasa para pengguna (consumer) untuk menjadi pengguna bijak dengan menyediakan platform perbandingan harga, serta memperkenalkan undang-undang yang berkaitan dengan hal ehwal pengguna dan menyediakan platform bagi membuat aduan.

Menerusi aplikasi mudah alih ini juga, ia akan memudahkan para pengguna di negara ini untuk mendapatkan maklumat hal ehwal pengguna yang mengikut trend pada masa ini, 'with a click of a button', melalui telefon bimbit.

Ia juga adalah selaras dengan misi CAD, iaitu untuk membangunkan budaya pengguna yang bermaklumat dan memperkasa persekitaran perniagaan yang sihat dan adil serta untuk melindungi pengguna melalui undang-undang dan penguatkuasaan yang berkesan terhadap amalan perniagaan yang tidak wajar.

Langkah memperkenalkan kemudahan ini seharusnya disokong kerana ia membimbing pengguna untuk menjadi lebih bijak menilai harga-harga barangan yang yang tersenarai di bawah Akta Kawalan Harga, Penggal 142 di samping mengandungi bahan maklumat pendidikan mengenai perlindungan pengguna dan perkara-perkara yang berkaitan dengan kawalan harga.

Sebagai pengguna juga, janganlah mudah untuk mempercayai maklumat-maklumat yang tular melalui media sosial. Jika ada keraguan atau pertanyaan, berhubunglah terus ke CAD menggunakan aplikasi ini yang mana pengguna boleh memuat naik gambar atau dokumen sokongan dengan mudah. Pengguna juga boleh menyalurkan aduan kepada CAD waktu pejabat sama ada melalui talian telefon +673 2230223; e-mel kepada 'aduanpengguna@jpke.gov.bn' atau 'consumercomplaint@jpke.gov.bn'; melalui laman sesawang Facebook 'www.facebook.com/AduanPenggunaJPKE' atau terus ke Pejabat CAD di CAD, Tingkat 3, West Wing, Bilik 3.06, JPKE, Blok 2A, Jalan Ong Sum Ping, BA1131, Negara Brunei Darussalam.

Kemudahan teknologi sudah disediakan. Bagaimanapun ia hanya tinggal sebagai teknologi yang sia-sia jika ia tidak digunakan dengan sebaik mungkin. Bijaklah menilai, dan jadilah pengguna yang bijak. **- Ketua Penyuntingan (Ss).**




## WAKTU SEMBAHYANG

*firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:*
*"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."*

| Masihi JANUARI | HARI | Hijrah RABIULAKHIR | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 14 | SABTU | 16 | 5.01 | 5.11 | 6.33 | 6.57 | 12.30 | 3.52 | 6.25 | 7.39 |
| 15 | AHAD | 17 | 5.01 | 5.11 | 6.34 | 6.57 | 12.31 | 3.52 | 6.26 | 7.39 |
| 16 | ISNIN | 18 | 5.02 | 5.12 | 6.34 | 6.58 | 12.31 | 3.53 | 6.26 | 7.40 |
| 17 | SELASA | 19 | 5.02 | 5.12 | 6.34 | 6.58 | 12.31 | 3.53 | 6.26 | 7.40 |
| 18 | RABU | 20 | 5.02 | 5.12 | 6.34 | 6.58 | 12.32 | 3.53 | 6.27 | 7.40 |
| 19 | KHAMIS | 21 | 5.03 | 5.13 | 6.35 | 6.58 | 12.32 | 3.54 | 6.28 | 7.40 |
| 20 | JUMAAT | 22 | 5.03 | 5.13 | 6.35 | 6.59 | 12.32 | 3.54 | 6.28 | 7.41 |

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

TALIAN KECEMASAN | AMBULANS 991 | POLIS 993 | BOMBA 995 | PENYELAMAT 998 | (Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN PENGANGKUTAN DARAT. KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam 123 | NDMC 2380214

# Kebawah DYMM berangkat ke Upacara Pengebumian Ketua Menteri Sarawak



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia semasa berangkat ke Upacara Pengebumian Allahyarham Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Dr. Datuk Patinggi Haji Adenan bin Haji Satem, di Tanah Perkuburan Islam di Samariang, Petra Jaya, Kuching.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima junjung ziarah semasa berangkat meninggalkan Masjid Jamek, Petra Jaya.

**Dari muka 1**

Turut hadir menjunjung keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Malaysia, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Haji Alaihuddin bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Utama Haji Awang Mohd. Taha.

Kebawah DYMM berkenan berangkat menuju ke Masjid Jamek, Petra Jaya bagi Upacara Penghormatan terakhir dan seterusnya Solat Zuhur dan Solat Jenazah.

Kebawah DYMM seterusnya dijunjung berangkat bagi menyertai Upacara Pengebumian Allahyarham Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Dr. Datuk Patinggi Haji Adenan bin Haji Satem, di Tanah Perkuburan Islam di Samariang, Petra Jaya, Kuching.

Allahyarham Tan Sri Dr. Datuk Patinggi Haji Adenan bin Haji Satem meninggalkan seorang isteri, Yang Amat Bahagia Datin Patinggi Datuk Amar Hajah Jamilah Haji Anu, empat orang anak perempuan dan seorang anak lelaki.

Beliau dilahirkan pada tahun 1944 di Kuching, Sarawak dan mendapat pendidikan awal di Sekolah St. Joseph, Kuching, sebelum melanjutkan pengajian dalam bidang undang-undang di University of Adelaide, Australia.

Beliau telah memulakan karier sebagai Majistret di Kuching pada tahun 1970, dan kemudian menyertai politik di mana beliau menjadi Menteri Muda Kemajuan Tanah Sarawak selama dua tahun sehingga 1987. Beliau kemudiannya dilantik sebagai Menteri Kemajuan Tanah Sarawak pada 1987 hingga 1992.

Allahyarham Tan Sri Dr. Datuk Patinggi Haji Adenan bin Haji Satem telah dilantik sebagai Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar di peringkat persekutuan pada tahun 2004 dan seterusnya dilantik sebagai Ketua Menteri kelima Sarawak pada 28 Februari 2014.



KEBAWAH DYMM menadah tangan selepas menunaikan Solat Fardu Zuhur di Masjid Jamek, Petra Jaya.



KEBAWAH DYMM menunaikan Solat Jenazah di Masjid Jamek, Petra Jaya, Kuching, Sarawak.



KEBAWAH DYMM berkenan menjirus *aying asah-asahan* semasa Upacara Pengebumian Allahyarham Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Dr. Datuk Patinggi Haji Adenan bin Haji Satem, di Tanah Perkuburan Islam di Samariang, Petra Jaya, Kuching.

# Berkenan berangkat ke Majlis Perhimpunan Khas Wanita



Oleh : Aimi Sani, Marlinawaty Hussin
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Hernie Suliana Haji Othman, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

**BERAKAS**, Rabu, 11 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat ke Majlis Perhimpunan Khas Wanita sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara Bagi Tahun 1438 Hijrah.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas dijunjung oleh Pengarah Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Dayang Hajah Siti Azizah binti Haji Musa, selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Majlis Perhimpunan Khas Wanita sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara Tahun 1438H serta ahli-ahli jawatankuasa kerja yang lain dari KHEU, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan (KHELNP) dan Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam (MWNBD).

Ke muka 5

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat ke Majlis Perhimpunan Khas Wanita sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara Bagi Tahun 1438 Hijrah.



BERANGKAT sama, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna.



BERANGKAT sama, Yang Amat Mulia Pengiran Bini Hajah Faizah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah.



ANTARA jemputan yang hadir pada majlis berkenaan.



PERSEMBAHAN Kesimpulan Makna Ayat Secara Berdialog daripada penuntut-penuntut Sekolah Menengah Arab Katok.

Dari muka 4

Berangkat sama, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman, Yang Amat Mulia Pengiran Bini Hajah Faizah binti Dato Haji Nasir, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna.

Majlis dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh johan qariah Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan Peringkat Akhir Tahun 1437 Hijrah / 2016 Masihi, Dayangku Ummi Syazana binti Pengiran Haji Marjuki, manakala tafsiran ayatnya dibacakan oleh, Dayang Rasidah binti Haji Apong dari PDI.

Ayat-ayat Al-Quran yang dibacakan ialah ayat 261 hingga 265 dari Surah Al-Baqarah yang mana Allah Subhanahu Wata'ala memberi perumpamaan ganjaran orang yang bersedekah kerana mencari keredaan Allah, serta memberi amaran bahawa perbuatan tidak baik akan membatalkan pahala sedekah.

Dalam sembah alu-aluan Pengerusi Bersama Majlis Perhimpunan Khas Wanita Sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, Pengarah PDI, Dayang Hajah Siti Azizah antara lain menyentuh mengenai tema sambutan Maulud kali, ini iaitu 'Berwawasan Yang Berkat Dengan Bercontohkan Kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam'.

Beliau menjelaskan, tema sambutan kali ini bertepatan dengan firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Ahzab, ayat 21, tafsirnya : "Demi sesungguhnya pada diri Rasulullah itu ada contoh yang baik bagi kamu, iaitu bagi orang yang mengharapkan (keredaan) Allah dan (kebahagiaan) hari Akhirat serta banyak berzikir mengingat Allah."

Dayang Hajah Siti Azizah juga menyembahkan menjunjung kasih yang setinggi-tingginya di atas keberangkatan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri bercemar duli ke majlis tersebut.

Majlis diteruskan dengan Ceramah Khas bertajuk 'Berwawasan Yang Berkat Dengan Bercontohkan Kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam' yang disampaikan oleh penceramah dari PDI, Dayangku Norhayati binti Pengiran Haji Kasharan.

Seterusnya, majlis menyaksikan Persembahan Kesimpulan Makna Ayat Secara Berdialog oleh penuntut-penuntut Sekolah Menengah Arab Katok yang menghuraikan makna ayat 261 hingga 265 dari Surah Al-Baqarah melalui dialog dan lakonan situasi kehidupan kontemporari.

Majlis turut diserikan dengan persembahan Dikir Marhaban dibawakan oleh gabungan pegawai dan kakitangan perempuan KHEU, KHELNP dan ahli-ahli MWNBD.



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan bergambar ramai bersama peserta Pameran dan Jualan Produk Halal Pengusaha-Pengusaha Tempatan.**

Doa Selamat dibacakan oleh Datin Dayang Hajah Maznah binti Haji Muhammad.

Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri seterusnya berkenan berangkat menyaksikan Pameran dan Jualan Produk Halal Pengusaha-Pengusaha Tempatan.

Pameran tersebut mengetengahkan penglibatan pengusaha industri kecil dan sederhana khususnya dalam kalangan wanita dalam menjalankan aktiviti dan perniagaan yang mencontohi akhlak dan sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Pameran tersebut dibukakan kepada orang ramai selama tiga hari bermula 11 Januari.

Majlis Perhimpunan Khas Wanita sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara tahun ini dikendalikan bersama oleh KHEU dan MWNBD dengan kerjasama KHELNP.

Tahun ini merupakan ke-23 majlis tersebut diadakan sejak ia mula diungkayahkan pada tahun 1995 yang dianjurkan khas untuk wanita bagi memperingati kelahiran Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan peranan Baginda dalam meningkatkan status wanita, di samping menjadi contoh untuk diteladani.

Juga hadir pada majlis tersebut ialah isteri-isteri Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria, isteri-isteri Menteri-Menteri Kabinet dan isteri-isteri Timbalan-Timbalan Menteri.





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan kerabat diraja yang lain berkenan berangkat menyaksikan Pameran dan Jualan Produk Halal Pengusaha-Pengusaha Tempatan (atas dan atas kanan).**



**ANTARA jemputan yang hadir semasa majlis berkenaan.**



**AYAT-AYAT suci Al-Quran dibacakan oleh johan qariah Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan Peringkat Akhir Tahun 1437 Hijrah / 2016 Masihi, Dayangku Ummi Syazana binti Pengiran Haji Marjuki (kiri) dan tafsirannya dibacakan oleh Dayang Rasidah binti Haji Apong (kanan) dari Pusat Da'wah Islamiah.**

# Doa Kesyukuran sempena Ulang Tahun AMBD



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong (tengah) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Doa Kesyukuran sempena Ulang Tahun Ke-6 Penubuhan AMBD di Masjid Ash-Shaliheen, Kompleks Jabatan Perdana Menteri.

**Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 12 Januari. - Majlis Doa Kesyukuran sempena Ulang Tahun Ke-6 Penubuhan Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) berlangsung di Masjid Ash-Shaliheen, Kompleks Jabatan Perdana Menteri dekat ibu negara.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, selaku Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah AMBD.

Bacaan Surah Yaa Siin, Tahlil dan seterusnya Solat Fardu Maghrib, Solat Hajat serta Doa Kesyukuran sempena Ulang Tahun Ke-6 Penubuhan AMBD, yang diimamkan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Anuar bin Haji Salim.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mohd. Roselan bin Haji Mohd. Daud; Timbalan Menteri Kewangan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hisham bin Haji Mohd. Hanifah; Ahli-ahli Lembaga Pengarah AMBD yang lain serta pegawai-pegawai dan kakitangan AMBD.

AMBD ditubuhkan pada 1 Januari 2011 dengan matlamat utama untuk memastikan kestabilan monetari dan kewangan negara sentiasa terpelihara, selain berfungsi sebagai sebuah bank pusat bagi Negara Brunei Darussalam.



TURUT hadir ialah Ahli-ahli Lembaga Pengarah AMBD yang lain serta para pegawai dan kakitangan AMBD.

# Pelajar disaran bijaksana bahagikan masa

**Berita dan Foto : Noraisah Muhammed**



GURU Besar Sekolah Ugama Sungai Liang, Dayang Hajah Sarinah binti Haji Jair.

**SUNGAI LIANG**, Khamis, 12 Januari. - 'Persiapan Awal Tahun Persekolahan', merupakan tema program keagamaan kali ini yang dihasratkan dapat memberi kefahaman kepada murid-murid dan pelajar-pelajar kefahaman mengenai persiapan awal tahun persekolahan agar sentiasa berusaha mencapai kejayaan dalam pelajaran dan merupakan generasi yang seharusnya peka dan berusaha merealisasikan hasrat negara dalam melahirkan generasi berwawasan untuk mencapai Wawasan 2035.

Sehubungan itu, Sekolah Ugama Sungai Liang dipilih oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama sebagai salah sebuah sekolah untuk menjalankan Program Keagamaan Senegara bagi bulan Januari tahun ini.

Majlis itu telah disertai oleh seramai 178 murid sekolah agama berkenaan dari peringkat Pra hingga Darjah VI, jumlah ini dinyatakan oleh Guru Besar sekolah Dayang Hajah Sarinah binti Haji Jair.

Acara program dimulakan dengan penyampaian tazkirah bertajuk 'Persiapan Awal Tahun Persekolahan' yang disampaikan oleh Awang Nazirul bin Haji Anuar salah seorang tenaga pengajar di sekolah berkenaan yang antara lain menerangkan supaya pelajar tidak leka dan lalai dalam membuat persediaan awal dengan memberi fokus sepenuhnya kepada semua mata pelajaran, di samping itu pelajar juga disarankan agar bijaksana dalam membahagikan masa dalam belajar semasa di rumah dan membuat aktiviti sampingan,

Keberkatan dalam menuntut ilmu melahirkan sifat keikhlasan dengan sering mendekatkan diri dengan guru-guru dan berbuat baik dengan ibu bapa mahupun penjaga disertai dengan doa dan tawakal selepas berusaha.

Bacaan Doa Awal Tahun Persekolahan dan bacaan Ratib Al-Attas dipimpin oleh Awang Abdul Aziz bin Sulong yang diikuti oleh semua pelajar. Program diakhiri dengan bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam oleh Awang Nazirul Adif bin Haji Anuar.

Semasa ditemu bual Pelita Brunei, Guru Besar, Dayang Hajah Sarinah berkata program seumpama itu wajar diteruskan selalu kerana impak program berkenaan dapat membentuk akhlak pelajar ke arah lebih baik dalam mempertingkatkan lagi keperibadian mereka.

Antara matlamat program berkenaan adalah untuk melaksanakan rancangan strategik Jabatan Pengajian Islam 2010-2014 bagi memperkukuhkan tentang penghayatan berugama dalam kalangan pelajar selain menanam dan memupuk kefahaman tentang ugama Islam dalam diri setiap kanak-kanak dan juga masyarakat umum.

Program Keagamaan Senegara bagi bulan Januari tahun ini telah melibatkan beberapa buah sekolah di seluruh negara dan ditumpukan di Sekolah Ugama Pelambaian bagi kawasan Brunei I, Sekolah Ugama Tanjong Maya bagi Daerah Tutong, Sekolah Ugama Sungai Liang bagi Daerah Belait dan Sekolah Ugama Pengiran Muda Mohammed Bolkiah bagi Daerah Temburong.



SERAMAI 178 murid Sekolah Ugama Sungai Liang dari peringkat Pra hingga Darjah VI yang menyertai program tersebut.

# MSME tempatan dialu-alukan sertai PIHEC, Pulau Pinang

**Siaran Akhbar : Jabatan Tenaga dan Perindustrian, Jabatan Perdana Menteri**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 13 Januari. - Jabatan Tenaga dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri (EIDPMO) memohon para Pengusaha Mikro, Kecil dan Sederhana (MSME) tempatan untuk mewakili Negara Brunei Darussalam ke Persidangan & Ekspo Halal Antarabangsa Pulau Pinang (PIHEC) di Setia SPICE Arena, Pulau Pinang, Malaysia bermula dari 24 hingga 26 Februari 2017.

PIHEC tersebut akan menyediakan platform yang ideal untuk MSME tempatan Brunei dan membuka peluang kepada mereka untuk melibatkan diri dengan peserta pameran dan pelanggan perdagangan dari seluruh Asia Tenggara, Asia Barat dan Eropah bagi mempromosi dan memasarkan perniagaan masing-masing.

MSME tempatan dengan produk dan perkhidmatan yang berkaitan dengan halal, termasuk makanan dan minuman, farmaseutikal dan nutraseutikal adalah dijemput untuk mengambil bahagian dan juga premis yang disahkan halal, termasuk rumah penyembelihan, hotel dan restoran, francais makanan dan sebagainya, di samping produk makanan bukan halal, seperti kosmetik dan pakaian Muslim, teknologi maklumat Islam, industri-industri Islam berkaitan pendidikan Islam dan penerbitan, institusi perbankan dan kewangan Islam dan agensi Takaful.

Juga dijemput ialah Agensi Pelancongan, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan Islam dan mana-mana institusi Islam yang berkaitan dan persatuan juga dialu-alukan untuk mengambil bahagian.

Tajaan akan diberikan kepada pemohon yang berjaya bagi seorang wakil bagi setiap syarikat dalam bentuk penginapan hotel, bayaran sewa gerai, penghantaran produk pameran dan pengangkutan tempatan.

Usaha ini merupakan sebahagian daripada kerjasama di antara EIDPMO, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan (KHELNP) dan Darussalam Enterprise (DARE) untuk memberi peluang kepada MSME tempatan meneroka pasaran luar antarabangsa.

Pemohon yang berminat boleh memuat turun borang permohonan di *www.ei.gov.bn/pihec* atau mendapatkan borang di Pusat Sokongan Perniagaan, Bangunan Reka Bentuk dan Teknologi, Simpang 32-37, Kampung Anggerek Desa.

Para pemohon boleh mengemukakan borang melalui e-mel kepada *etf@jpm.gov.bn* atau hantar terus ke Pusat Sokongan Perniagaan pada 16 Januari 2017, jam 12.00 tengah hari.

Sebarang maklumat dan pertanyaan boleh menghubungi Sekretariat ETF melalui talian +673 2384488 sambungan 1050.

# Tingkatkan kemahiran, komitmen tenaga akademik UNISSA

**Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani**
**Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 12 Januari. - Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman berharap agar Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), sentiasa memastikan para tenaga akademiknya terus berusaha keras mempertingkatkan kemahiran dan komitmen mereka dalam membangun universiti tersebut dan negara.

"Saya juga menyarankan agar para tenaga akademik khususnya yang belum memenuhi syarat untuk berpindah ke Skim Perkhidmatan Tenaga Akademik (SPTA) ini atas sebab-sebab kelayakan akademik atau sebab-sebab tertentu, hendaklah berusaha lebih gigih untuk mempertingkatkan pencapaian masing-masing," ujar Yang Berhormat pada Majlis Doa Kesyukuran sempena Ulang Tahun Ke-10 Penubuhan UNISSA, berlangsung di Auditorium univerisiti berkenaan.

Menurut Yang Berhormat, perkara ini adalah sangat penting dan relevan, bukan setakat untuk kepentingan diri sendiri tetapi juga adalah untuk kepentingan ummah dan negara untuk memiliki para bijak pandai yang memangkin kepada perkembangan ilmu pengetahuan yang berkualiti tinggi.

Tambah Yang Berhormat, malah dalam masa yang sama akan dapat menaikkan lagi nama dan reputasi UNISSA sebagai sebuah institusi pengajian tinggi Islam yang digalati di persada antarabangsa.

Yang Berhormat juga berharap kepada para tenaga akademiknya yang lebih *senior* agar dapat membimbing dan menjadi mentor kepada mereka yang lebih *junior*.

Terdahulu, Yang Berhormat menjelaskan, kualiti sesebuah universiti itu bergantung kepada kualiti tenaga akademiknya dan sebagaimana yang dimaklumi, SPTA yang telah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada bulan April 2014 yang lalu itu, adalah untuk memastikan para tenaga akademik di UNISSA dan institusi pengajian tinggi yang lain di negara ini benar-benar mencapai kualiti tenaga akademik yang mampu mempertingkat kualiti akademik, penyelidikan dan khidmat kepada masyarakat.

Yang Berhormat seterusnya juga turut berasa gembira, pada mengetahui bahawa program-program jangka pendek yang dibukakan kepada orang ramai mendapat sambutan daripada masyarakat seperti Program Mari Belajar Bahasa Al-Quran, Program Kemahiran Bahasa Al-Quran (PKBQ), Program Memahami dan Menghayati Al-Quran.

"Saya berharap program-program atau kursus-kursus singkat bagi orang ramai seperti ini akan diperkembangkan lagi agar mencakupi ruang lingkup yang luas. Ini menepati sifat UNISSA sebagai sebuah universiti Islam yang bertanggung-jawab dalam memberi kefahaman tentang Islam yang betul dan muktabar kepada masyarakat," ujar Yang Berhormat.

Menyentuh tentang khidmat kepada masyarakat, Yang Berhormat mengambil maklum bahawa warga UNISSA, sama ada dari kalangan pelajar atau tenaga akademiknya telah melaksanakan tanggungjawab mereka dengan baik terhadap masyarakat setempat, terutama sekali dalam menyampaikan ceramah-ceramah agama, kuliah-kuliah di masjid serta kesedaran yang begitu tinggi dalam membantu masyarakat yang memerlukan bantuan.

Menurut Yang Berhormat, usaha kebajikan seperti ini hendaklah diteruskan dan diperkasakan lagi bagi memastikan kehidupan masyarakat yang harmoni dan memastikan ajaran Islam yang diajarkan di negara ini adalah yang betul dan selaras dengan fahaman Ahli Sunnah Waljamaah.

Berkenaan dengan penyelidikan pula, Yang Berhormat berharap UNISSA mengambil perhatian yang serius terhadap saranan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam supaya UNISSA memantapkan profil penyelidikannya bagi memastikan UNISSA dapat menggabungkan diri



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman semasa menyampaikan ucapan pada Majlis Doa Kesyukuran sempena Ulang Tahun Ke-10 Penubuhan UNISSA.

dalam kelompok universiti Islam ternama dunia.

Yang Berhormat maklum bahawa UNISSA telah melaksanakan beberapa penyelidikan dan aktif menganjurkan seminar yang dilaksanakan secara kolaborasi dengan beberapa institusi pengajian tinggi luar negara dan Yang Berhormat juga yakin aktiviti secara kolaborasi seperti ini sudah pasti akan dapat mempertingkat kualiti dan menaikkan imej UNISSA selain sebagai platform UNISSA untuk memainkan peranannya dalam pembangunan ummah di peringkat global.

Dalam masa yang sama, UNISSA tegas Yang Berhormat juga perlu menjalankan penyelidikan yang memberi impak sangat besar kepada masyarakat setempat seperti isu-isu sosial merangkumi isu keruntuhan akhlak, penyalahgunaan dadah, ekonomi dan sebagainya.

Yang Berhormat percaya, hasilnya nanti boleh dijadikan rujukan dalam membantu pihak kerajaan dan agensi-agensi tertentu untuk menyelesaikan masalah-masalah tersebut.

# Jadikan UNISSA sebuah pusat ilmu Islam tulen

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 12 Januari. - Kehadiran Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) sebagai universiti kedua di Negara Brunei Darussalam mencatat satu lagi sejarah dan menjadi mercu tanda kegemilangan Islam, dan sudah tentu menyemarakkan lagi kecemerlangan pendidikan Islam khususnya peringkat pengajian tinggi di Negara Brunei Darussalam.

Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal terdahulu berkata, universiti tersebut ditubuhkan pada 1 Januari 2007 atas titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Titah Perutusan Awal Tahun Masihi 2007 dengan harapan yang murni, iaitu untuk menjadikan UNISSA sebagai sebuah pusat ilmu Islam tulen, yang melahirkan para ulama dan cendekiawan berwibawa dan mampu memenuhi aspirasi negara.

Ke arah itu menurut Dr. Haji Norarfan, UNISSA menetapkan visinya untuk menjadi sebuah universiti Islam tulen bertaraf antarabangsa yang progresif dan dinamik berteraskan Al-Quran dan As-Sunnah.

"Sebagai sebuah universiti yang baharu ketika itu, sudah tentu banyak ujian dan cabaran yang dihadapi sehingga UNISSA kini, alhamdulillah dengan limpah taufik dan izin Allah Subhanahu Wata'ala jua, UNISSA masih mampu berdiri dan melaksanakan amanahnya sebagai-mana yang dihasratkan," ujarnya pada Majlis Doa Kesyukuran sempena Ulang Tahun Ke-10 Penubuhan UNISSA berlangsung di Auditorium universiti berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman.

Dr. Haji Norarfan menjelaskan, sungguhpun beberapa kemajuan telah berjaya dicapai jelasnya, namun UNISSA tidak seharusnya berpeluk tubuh dan berpuas hati dengan pencapaiannya setakat ini dan UNISSA menyedari, masih banyak perkara yang perlu diambil perhatian dan dipertingkatkan dari semasa ke semasa dalam usaha UNISSA 'berdiri sama tinggi, duduk sama rendah' bersama-sama dengan institusi pengajian tinggi pada peringkat serantau dan antarabangsa.

Sepanjang satu dekad tambahnya, UNISSA telah diterajui oleh seramai empat orang rektor, yang masing-masing memainkan peranan signifikan terhadap perkembangan dan kemajuan UNISSA yang mana beliau dan rakan-rakan seperjuangannya di UNISSA, hanya meneruskan legasi yang ditinggalkan bagi memastikan kesinambungan pembangunan UNISSA berjalan dengan lancar dan terarah.

Beliau seterusnya berkata, bermula dengan kemasukan pelajar seramai 107 orang pada tahun pertama penubuhannya, kini pelajar UNISSA menjangkau seramai 889 pelajar dalam pelbagai peringkat program pengajian sama ada ijazah sarjana muda mahupun peringkat ijazah pasca sarjana yang menyaksikan purata peningkatan kemasukan pelajar baharu setiap tahun sebanyak 17 peratus.

Peningkatan ini ujarnya, dijangka berterusan pada tahun-tahun akan datang dengan pengembangan program akademik yang lebih dinamik, relevan dan fleksibel yang akan ditawarkan UNISSA pada masa akan datang dan perkembangan ini dipacu lagi atas kesedaran yang tinggi dari kalangan para belia dewasa ini untuk melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi sejajar dengan Wawasan Brunei 2035.

Ketika ini UNISSA tambahnya, sedang menawarkan sebanyak 30 program akademik dalam pelbagai peringkat dan bidang pengajian merangkumi bidang Usuluddin, Syariah, Undang-Undang, Bahasa Arab, Tamadun Islam, Tahfiz dan Qira'at, Keusahawanan dan Kewangan Islam, berbanding 10 tahun lalu di mana hanya 10 program akademik sahaja ditawarkan ketika itu.

"InsyaaAllah, menjelang 2025, lebih banyak lagi program akademik akan ditawarkan mengikut keperluan dan tuntutan semasa. Ini termasuk program dalam bidang pengurusan dan kepimpinan Islam, industri halal, komunikasi dan lain-lain program yang mendukung Wawasan Brunei 2035," ujarnya.

Dalam usahanya memberikan sumbangan signifikan terhadap kemantapan pelaksanaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013 katanya lagi, UNISSA menawarkan pelbagai peringkat program pengajian dalam bidang undang-undang.

Menurutnya, antara program yang mendapat sambutan yang menggalakkan ialah, Program Dwi Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang dan Sarjana Muda Perundangan Syariah (LL.B dan BSL) yang mengambil masa pengajian selama lima tahun.

Beliau menambah, InsyaaAllah, UNISSA terus beriltizam untuk meningkatkan kualiti akademiknya dan bersedia menawarkan program-program akademik merentasi disiplin dalam usaha membantu kerajaan melahirkan 'Generasi Berugama dan Progresif' dengan menyediakan program-program akademik yang lebih fleksibel, dinamik dan *marketable* berasaskan Al-Quran dan As-Sunnah bagi memenuhi keperluan dan pembangunan negara.

"InsyaaAllah, UNISSA mampu melakukannya. Ini kerana kekuatan UNISSA terserlah dari segi teras pengajian dan penggunaan bahasa penghantar yang digunakan dalam pengajian di mana UNISSA merupakan satu-satunya universiti awam di Negara Brunei Darussalam yang menerapkan sepenuhnya penggunaan bahasa Arab dan Inggeris dalam program-program pengajian yang ditawarkan, menjadikannya berpotensi menjadi hub pengajian tinggi Islam serantau," ujarnya.

Sebagaimana kemajuan yang diraih dalam aspek akademik katanya, UNISSA juga sangat komited untuk mengembangkan fakulti dan pusat kecemerlangan akademiknya sesuai dengan keperluan dan tuntutan semasa.

Menurutnya lagi, bermula hanya dengan empat buah fakulti dan tiga buah pusat pada tahun 2007, kini UNISSA mempunyai lima buah fakulti iaitu Fakulti Usuluddin (FU), Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU), Fakulti Bahasa Arab (FBA), Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam (FEKIm) dan yang terkini, Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam (FPPI).

Beliau berkata, dua buah pusat kecemerlangan akademik yang ada pada ketika ini ialah, Pusat Penyelidikan Mazhab Syafi'i (PPMS) dan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) serta lima buah pusat dan bahagian pengurusan iaitu Pusat Penerbitan (PPP), Pusat Multimedia dan Teknologi (PMT), Pusat Hal Ehwal Perhubungan Awam dan Antarabangsa (PusPAA) dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar.

Tambahnya, perkembangan UNISSA juga membawa kepada penubuhan tujuh unit pengurusan akademik dan pentadbiran iaitu Unit Terjemahan, Unit Jaminan Kualiti, Unit Pembelajaran Sepanjang Hayat, Unit Unitech, Unit Teknologi Pendidikan dan Estet.

# Graduan UNISSA perlu amalkan nilai-nilai murni



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman (depan, tengah) semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Doa Kesyukuran sempena Ulang Tahun Ke-10 Penubuhan UNISSA yang berlangsung di Auditorium universiti berkenaan.



YANG Berhormat Menteri Pendidikan menyampaikan Anugerah Staf Cemerlang UNISSA kepada seorang penerima.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 12 Januari. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) sebagai sebuah institusi pengajian tinggi di negara ini, perlu memainkan peranan penting dalam memastikan para graduan yang dihasilkan itu benar-benar dilengkapi dengan pengetahuan agama yang betul dan mantap serta mampu menjadi benteng yang kukuh terhadap segala anasir-anasir yang tidak selaras dengan ajaran Islam yang diamalkan di negara ini.

Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman berkata, inilah keunikan misi UNISSA, bukan sahaja diharap menghasilkan para graduan yang memiliki ilmu agama yang mantap dan intelektual yang tinggi dari sudut akademiknya, bahkan juga mempunyai sahsiah dan akhlak yang terpuji, berwibawa dan juga bertakwa.

Dalam hal ini menurut Yang Berhormat, UNISSA hendaklah memastikan *environment* pengajaran, pembelajaran, penyelidikan dan penerbitan di UNISSA ini tidak dicalar, diprovokasi dan dipengaruhi atau dicemari oleh pemikiran-pemikiran yang bertentangan dengan ajaran Ahli Sunnah Waljamaah.

"UNISSA juga perlu memastikan para pelajarnya akan sentiasa mengamalkan nilai-nilai murni yang terkandung dalam falsafah negara Melayu Islam Beraja (MIB) dalam setiap tindak tanduk mereka, sama ada dalam akademik dan juga kehidupan sosial mereka," ujar Yang Berhormat pada Majlis Doa Kesyukuran sempena Ulang Tahun Ke-10 Penubuhan UNISSA yang berlangsung di Auditorium universiti berkenaan.

Yang Berhormat juga menasihati seluruh pelajar UNISSA, agar memanfaatkan sepenuhnya peluang mengikuti pengajian di UNISSA ini dan para pelajar perlu sedar bahawa dalam situasi ekonomi global yang tidak menentu ketika ini, mereka perlu sentiasa berusaha melengkapkan diri mereka dengan pelbagai kemahiran agar menjadi graduan yang berdaya saing dan kompetitif.

Oleh sebab itu, Yang Berhormat menyarankan UNISSA supaya sentiasa mengambil kira kadar pengangguran para graduan dan peluang pekerjaan yang sangat kompetitif di negara ini dan di mana perkara ini ujarnya, sering kali telah disentuh oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan baginda menyarankan agar UNISSA dan juga institusi-institusi pengajian tinggi yang lain di negara ini supaya memastikan program-program yang ditawarkan itu sentiasa relevan dan berkualiti untuk menghasilkan para graduan yang marketable dan *future ready.*

Yang Berhormat menyokong penuh terhadap inisiatif UNISSA dalam menjenama semula 'Fakulti Perniagaan dan Sains Pengurusan' menjadi 'Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam' dan menubuhkan fakulti baharu iaitu 'Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam' dan juga mengambil maklum dan menyokong penuh usaha-usaha penelitian semula terhadap program-program akademik yang sedang ditawarkan, ini termasuklah kursus berkaitan 'keusahawanan' yang akan menjadi kursus wajib atau mandatori bagi semua program akademik, sebagai nilai tambah kepada bidang-bidang akademik yang diikuti.

"Saya juga optimis terhadap hala tuju dan perancangan UNISSA, terutama sekali dalam usaha menubuhkan sebuah Pusat Kecemerlangan Penyelidikan Halal dalam masa yang terdekat ini. Saya berharap pusat ini nanti akan menjadi pemangkin kepada hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai 'hub halal global' dan membuka ruang lebih luas terhadap pasaran halal pada peringkat antarabangsa," ujar Yang Berhormat.

Selain itu, Yang Berhormat turut berharap agar program-program pengajian yang berkaitan dengan pelaksanaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syar'iah 2013 yang berjalan ketika ini hendaklah diteruskan, dikukuhkan dan dikembangkan lagi bagi memastikan pelaksanaannya bertambah lancar dan mantap.

Yang Berhormat menambah, begitu juga dengan program-program lain yang menjadi niche UNISSA seperti Tafsir, Hadith, Dakwah, Aqidah, Syariah, Bahasa Arab dan lain-lain lagi yang mampu melahirkan ulama dan sumber tenaga manusia yang bertakwa dan berwibawa.

Menurut Yang Berhormat, UNISSA juga perlu meneroka lebih jauh lagi bidang-bidang baharu yang berkaitan dengan pembangunan dan keperluan semasa negara dan usaha-usaha yang sedemikian itu, adalah perlu dirancang dengan rapi bagi memastikan para graduan UNISSA menjadi generasi mapan dan mampu merealisasikan Wawasan Negara 2035.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran sempena Penubuhan UNISSA Ke-10.

Majlis juga diselajurkan dengan penyampaian Anugerah Staf Cemerlang UNISSA oleh tetamu kehormat kepada 10 penerima bagi empat kategori, iaitu Kategori Anugerah Kecemerlangan Pengajaran, Kategori Anugerah Kecemerlangan Penyelidikan *(Senior Career)*, Kategori Anugerah Kecemerlangan Penyelidikan *(Junior Career)* dan Kategori Anugerah Kecemerlangan Pentadbiran dalam Bahagian Kakitangan Am dan Bahagian Pengurusan dan Profesional Bahagian I dan II.

# Rancang tubuhkan Pusat Kecemerlangan Penyelidikan Halal



REKTOR UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal semasa menyampaikan ucapan alu-aluan pada majlis tersebut.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 12 Januari. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) beriltizam untuk mengorak langkah mengembangkan lagi fakulti dan pusat kecemerlangan akademiknya pada masa akan datang sejajar dengan tuntutan dan keperluan semasa.

Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal berkata, UNISSA ketika ini sedang merancang untuk menubuhkan sebuah Pusat Kecemerlangan Penyelidikan Halal di UNISSA dalam usaha membantu Kerajaan Negara Brunei Darussalam merealisasikan wawasannya untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai hub halal global bagi menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam jua semasa Hafl Al-Takharruj Ke-6 UNISSA baru-baru ini.

Perkara demikian dijelaskan oleh Rektor UNISSA pada Majlis Doa Kesyukuran sempena Ulang Tahun Ke-10 Penubuhan UNISSA yang berlangsung di Auditorium universiti berkenaan.

Menurutnya, seperkara yang menarik dalam perkembangan UNISSA ialah, dengan wujudnya sebuah pusat kecemerlangan penyelidikannya yang unggul dan relevan dengan keperluan semasa negara iaitu Pusat Penyelidikan Mazhab Syafi'i (PPMS) yang mana pusat ini memainkan peranan penting dalam memelihara dan memperkukuh Mazhab Syafi'i sebagai teras pegangan masyarakat Islam di negara ini sejajar dengan Perlembagaan Negara Brunei 1959, Bab 3 (1) yang mengkanunkan Islam sebagai agama rasmi negara mengikut fahaman Ahli Sunnah Waljamaah, Mazhab Syafi'i.

Beliau menambah, pusat ini mula menawarkan program Ijazah Sarjana Mazhab Syafi'i dan Ijazah Doktor Falsafah Mazhab Syafi'i pada sesi pengajian lepas yang mana penawaran ini adalah selaras dengan hasrat dan harapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan pusat ini sebagai hub rujukan, kajian dan penyelidikan serantau dan antarabangsa dalam bidang Mazhab Syafi'i.

Dari segi keramaian graduan yang telah dihasilkan tambahnya, sehingga kini, UNISSA telah melahirkan seramai 908 graduan yang mana 13 graduan telah menerima Ijazah Doktor Falsafah, 192 Ijazah Sarjana dan 488 Ijazah Sarjana Muda dan dari jumlah 488 graduan penerima Ijazah Sarjana Muda ini, sebahagian mereka telah berkhidmat di sektor kerajaan dan swasta manakala selebihnya sedang melanjutkan pengajian dan mencari pekerjaan.

"Bagi memastikan kualiti tenaga akademik, UNISSA telah menetapkan Petunjuk Prestasi Utama (KPI)nya tersendiri dengan merujuk KPI yang digunakan oleh universiti-universiti Islam yang berprestij di peringkat antarabangsa. Inisiatif ini diketengahkan bagi memastikan setiap tenaga akademiknya memiliki kualiti dan kepakaran yang diharapkan sejajar dengan garis pandu Skim Perkhidmatan Tenaga Akademik yang berkuat kuasa sejak April 2014 yang lalu, tanpa menjejaskan peranannya sebagai sebuah universiti Islam tulen," ujarnya.

Menurutnya lagi, UNISSA juga mengambil perhatian berat terhadap perkembangan penyelidikan di UNISSA dalam menyediakan geran penyelidikan kepada tenaga akademiknya dalam usaha menggalakkan mereka terlibat secara aktif dalam bidang penyelidikan yang dapat membantu pembangunan sosio-agama di Negara Brunei Darussalam dan Alhamdulillah, dengan adanya inisiatif ini, sebahagian tenaga akademik UNISSA telah menjalankan penyelidikan bersama dengan para ilmuwan dan cendekiawan dari universiti luar negara.

Beliau menambah, sebahagian yang lain pula telah melaksanakan penyelidikan bersama dengan agensi-agensi kerajaan terutama dalam menangani isu sosial di negara ini seperti penyelidikan yang dilaksanakan bersama Biro Kawalan Narkotik dalam isu penyalahgunaan dadah di Negara Brunei Darussalam.

Beliau berkata, kesungguhan UNISSA dalam mengembangkan penulisan ilmiah dan memperkaya khazanah ilmu Islam juga terserlah dengan tertubuhnya Pusat Penyelidikan dan Penerbitan (PPP) di UNISSA dan sehingga 2016, UNISSA telah berjaya menerbitkan sebanyak 121 buah buku ilmiah dalam pelbagai bidang dan bahasa yang menjadi bahan rujukan bagi pelajar-pelajar dan ahli-ahli akademik serta orang ramai.

Tambahnya, di antara yang menarik perhatian ialah Jurnal Berwasit Antarabangsa, 'Jurnal al-Shafi'i yang mengetengahkan artikel-artikel ilmiah dalam pelbagai bidang yang berkaitan Mazhab dan Imam al-Shafi'i dan penerbitan Ensiklopedia Negara Zikir yang mana Pusat Penyelidikan Mazhab Shafi'i juga dalam proses menerbitkan Ensiklopedia Mazhab Shafi'i yang akan menjadi rujukan rantau ini.

"UNISSA juga terus berusaha untuk memainkan peranannya dan mengukuhkan hubungannya dengan universiti-universiti lain di peringkat serantau dan antarabangsa. Alhamdulillah, UNISSA kini telah menjalin hubungan kerjasama strategik melalui penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) dan Memorandum Persepakatan (MoA) dengan 60 buah universiti dan badan profesional peringkat serantau dan antarabangsa," ujarnya.

Penandatanganan Persefahaman bagi mewujudkan kerjasama dua hala ini katanya, menunjukkan satu pengiktirafan peringkat antarabangsa, sekali gus menggambarkan bahawa kehadiran UNISSA dalam dunia akademik kini semakin diterima di peringkat global.

Ke muka 19

# Kursus Maktab Turus Akademi Pertahanan dirasmikan



PEMERINTAH ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Mohd. Tawih bin Abdullah (duduk, enam dari kiri) bergambar ramai bersama para peserta Kursus Maktab Turus Akademi Pertahanan ABDB Ketujuh.

Oleh : Aimi Sani
Foto : Hamzah Mohidin

**TANAH JAMBU**, Jumaat, 13 Januari. - Kursus Maktab Turus Akademi Pertahanan, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) Ketujuh selama 40 minggu yang bermula 9 Januari 2017 dirasmikan oleh Pemerintah ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Mohd. Tawih bin Abdullah bertempat di Akademi Pertahanan ABDB, Tanah Jambu.

Kursus tahun ini disertai oleh para pegawai dari ABDB dan pegawai tentera dari Australia, Bangladesh, China, India, Republik Indonesia, Malaysia, New Zealand, Oman, Pakistan, Republik Filipina, Republik Singapura, Thailand dan Amerika Syarikat serta pegawai-pegawai dari Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) dan Jabatan Keselamatan Dalam Negeri (JKDN).

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Pemangku Timbalan Pesuruhjaya PDB, Pemangku Timbalan Pengarah Operasi JKDN, Pemerintah-Pemerintah Angkatan Tentera, pengarah, komandan, pegawai dan kakitangan Akademi Pertahanan ABDB.

Kursus selama 40 minggu, merupakan kerjasama bersama di antara Universiti Massey New Zealand dan Akademi Pertahanan ABDB bertujuan untuk meluaskan pengetahuan yang profesional dan akademik selain membangunkan kemahiran dalam memberi arahan, analisis dan komunikasi pegawai peringkat pertengahan untuk mempersiapkan mereka bagi pelantikan yang lebih tinggi.



PEMERINTAH ABDB menyampaikan ucapan dan seterusnya merasmikan Kursus Maktab Turus Akademi Pertahanan ABDB bertempat di Akademi Pertahanan ABDB, Tanah Jambu.



SEBAHAGIAN daripada peserta kursus berkenaan.

# Majlis Bertahlil di Kubah Makam Diraja



MAJLIS Bertahlil yang disertai oleh seramai 200 pegawai dan tenaga pengajar serta pelajar-pelajar Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) diketuai oleh Pemangku Pengetua ITQSHHB, Pengiran Haji Haslin bin Pengiran Haji Ali.

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 13 Januari. - Bersempena dengan Minggu Ta'aruf atau Minggu Suai Kenal sempena Majlis Penerimaan Pelajar Baharu Peringat Menengah Sesi 1438 Hijrah / 2017 Masihi, Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) mengadakan Majlis Membaca Ayat Suci Al-Quran dan Bertahlil bertempat di Kubah Makam Diraja, di sini.

Majlis Bertahlil yang dihadiri oleh seramai 200 pegawai dan tenaga pengajar serta pelajar-pelajar ITQSHHB adalah bagi paduka ayahanda dan paduka bonda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, iaitu Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman.

Bacaan ayat-ayat suci Al-Quran dibacakan oleh para pegawai dan tenaga pengajar serta pelajar-pelajar ITQSHHB, manakala bacaan Tahlil dan Doa Tahlil telah dipimpin oleh Muallim Al-Quran institut berkenaan, Awang Haji Muhammad bin Md. Lazim.

Majlis Bertahlil turut dihadiri oleh Pemangku Pengetua ITQSHHB, Pengiran Haji Haslin bin Pengiran Haji Ali.

Seramai 79 pelajar baharu (peringkat menengah) di ITQSHHB akan memulakan sesi pengajian bermula pada 16 Januari 2017 depan. ITQSHHB yang terletak di Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha ditubuhkan sempena Sambutan Ulang Tahun Keputeraan Ke-46 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 15 Julai 1992.

# Kelebihan mendirikan sembahyang




MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Sembahyang adalah rukun Islam kedua yang wajib ditunaikan setelah mengucap dua kalimah syahadah. Perintah mendirikan sembahyang ini telah pun bermula semenjak berlakunya satu peristiwa besar di dalam Islam yang dilalui oleh Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, iaitu peristiwa Israk dan Mikraj.

Sesungguhnya kedudukan ibadah sembahyang adalah amat tinggi di sisi agama Islam kerana sembahyang merupakan tiang agama, maka sesiapa yang mengerjakan sembahyang bererti ia telah menegakkan agamanya dan barang siapa yang meninggalkan bererti ia telah merobohkan agamanya. Sembahyang itu merupakan tiang agama Islam yang wajib ditegakkan.

Ketahuilah, ringan atau beratnya sembahyang itu bergantung kepada keimanan seseorang. Semakin beriman seseorang itu bererti semakin mudahlah ia mengerjakan sembahyang tetapi jika kurangnya iman seseorang itu terhadap Allah dan Rasulnya maka akan berasa berat dan malaslah ia untuk mengerjakannya. Sesungguhnya mengerjakan sembahyang itu amatlah besar ganjarannya. Di mana ia dapat membantu menyelamatkan manusia daripada azab akhirat. Di samping itu, sembahyang juga dapat menghilangkan rasa resah gelisah dan boleh memberikan ketenteraman, ketenangan dan kebahagian hidup di dunia dan di akhirat. Di dalam Al-Quran banyak sekali ayat yang menerangkan tentang kepentingan dan kewajipan mendirikan sembahyang. Sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al 'Ankabuut, ayat 45 :

**Tafsirnya** : *"Dan dirikanlah sembahyang. Sesungguhnya sembahyang itu mencegah dari perbuatan yang keji dan mungkar."*

**SESUNGGUHNYA kedudukan ibadah sembahyang adalah amat tinggi di sisi agama Islam kerana sembahyang merupakan tiang agama, maka sesiapa yang mengerjakan sembahyang bererti ia telah menegakkan agamanya dan barang siapa yang meninggalkan bererti ia telah merobohkan agamanya. Sembahyang itu merupakan tiang agama Islam yang wajib ditegakkan.**

Memandangkan sembahyang itu boleh mencegah daripada perbuatan keji dan mungkar maka ada beberapa perkara yang perlu kita manfaatkan dalam kehidupan seharian tentang kelebihan dan kebaikan mendirikan sembahyang seperti berikut :

- Sembahyang dapat membantu diri sendiri, keluarga dan masyarakat untuk membina generasi yang berakhlak mulia dan berbudi pekerti yang baik.
- Sembahyang juga dapat membantu dalam menangani pelbagai gejala sosial yang boleh merosakkan kehidupan masyarakat seperti rasuah, membunuh, merompak, zina dan perbuatan maksiat yang lain.
- Sembahyang adalah menjadi kunci utama untuk kita mendapatkan rezeki yang halal dan diberkati oleh Allah Subhanahu Wata'ala.
- Sesungguhnya sembahyang dapat membersihkan dan mensucikan diri seseorang sama ada rohani mahupun jasmani, ini jelas sebagaimana sabda Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam :

**Maksudnya** : *"Daripada Abu Hurairah Radhiallahuanhu : Bahawasanya dia pernah mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam : "Jika ada suatu sungai di depan rumah seorang yang di situ dia mandi lima kali dalam sehari, masihkah ada kotoran pada dirinya?" Para sahabat menjawab : "Tidak ada sedikit pun kotoran yang tersisa pada dirinya." Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: "Begitulah perumpamaan sembahyang fardu lima waktu yang dengannya Allah menghapus dosa orang yang mengerjakannya."* (Riwayat Imam Al-Bukhari).

Sesungguhnya sembhanyang itu diwajibkan kepada seluruh umat Islam yang telah baligh, berakal dan suci daripada sebarang hadis. Walaupun sembahyang itu tidak diwajibkan kepada kanak-kanak yang belum baligh, namun mereka perlu mendapat latihan awal daripada ibu bapa atau penjaganya. Kecuaian ibu bapa atau penjaga dalam membimbing anak-anak untuk mengerjakan sembahyang pada waktu umur tujuh tahun akan menyebabkan kesukaran untuk mendidik mereka apabila dewasa kelak.

Adalah menjadi kewajipan kepada ibu bapa atau penjaga memberi peringatan, tunjuk ajar dan pukulan yang tidak menyakitkan terhadap anak-anak mereka yang telah mencapai umur 10 tahun jika mereka masih enggan ataun tidak mahu mengerjakan sembahyang. Ketahuilah kewajipan mengerjakan sembahyang juga masih dituntut terhadap orang yang sakit atau orang yang kurang upaya. cuma cara mengerjakan sembahyangnya adalah berbeza mengikut keupayaan pesakit itu sendiri sama ada secara berdiri, duduk atau berbaring.

Di zaman yang serba moden ini membuatkan manusia semakin sibuk dengan bermacam aktiviti dalam kehidupan. Hal ini jika tidak ditangani dengan bijak menyebabkan kita lalai dan leka dengan kesibukan tersebut. Dengan kesibukan ini, janganlah ia menjadi alasan utama bagi kita untuk melalaikan dan meninggalkan sembahyang. Sembahyang tetap wajib ditunaikan pada waktunya. Kesempurnaan ibadah sembahyang menentukan kesempurnaan ibadah yang lain. Sebaliknya kecuaian mendirikan sembahyang boleh menjejaskan ibadah yang lain. Oleh yang demikian pentingnya ibadah sembahyang ini kerana ia merupakan amalan yang pertama sekali dihisab oleh Allah Subhanahu Wata'ala di akhirat nanti. Sebagaimana sabda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam :

**Maksudnya** : *"Daripada Abu Hurairah Radhiallahuanhu, bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : Sesungguhnya perkara yang pertama sekali akan di hisab terhadap seorang hamba daripada amalannya pada hari kiamat ialah sembahyang fardunya. Jika baik cara mengerjakan sembahyangnya, maka dia telah berjaya dan mendapat pahala, dan jika rosak sembahyangnya, maka dia mendapat kerugian dan kebinasaan."* (Riwayat Al-Imam at-tirmidzi).

Namun perlu diketahui bahawa sembahyang itu menuntut kepada keikhlasan dan ketakwaan semasa menghadap Allah Subhanahu Wata'ala kerana jika ia dilakukan dengan penuh adab, khusyuk dan istiqamah, maka diri kita akan menikmati kemanisaan iman dalam bersembahyang dan perubahan diri dari satu tahap yang baik kepada satu tahap yang lebih baik. Marilah kita sama-sama mentaati perintah Allah Subhanahu Wata'ala dengan istiqamah mendirikan sembahyang agar kehidupan kita akan sentiasa tenang, aman dan bahagia. Mudah-mudahan kita semua akan mendapat ganjaran pahala yang berlipat ganda daripada Allah Subhanahu Wata'ala dan semoga kita semua akan mendapat rahmat, keselamatan di dunia dan di akhirat. Amin Ya Rabbal Alamin.

Surah Al-Baqarah, ayat 238 :

**Tafsirnya** : *"Peliharalah kamu (kerjakanlah dengan tetap dan sempurna pada waktunya) segala sembahyang fardu, khasnya sembahyang wusta (Sembahyang Asar), dan berdirilah kerana Allah (dalam sembahyang kamu) dengan taat dan khusyuk."*



PRESIDEN Tinkerbell Learning School, John Robert Bartholomew bergambar bersama pemenang kuiz (atas), sementara gambar kanan, perarakan berwarna-warni oleh para pelajar Tinkerbell Learning School bagi meraikan Sambutan Maulidur Rasul Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

# Sambutan Maulidur Rasul terus diadakan

**Berita dan Foto : Ihsan Tinkerbell Learning School**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 11 Januari. - Tinkerbell Learning School meraikan Sambutan Maulidur Rasul Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bertempat di kawasan pekarangan sekolah.

Menurut Siaran Akhbar Tinkerbell Learning School, acara dimulakan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan dan diikuti dengan lagu tema sekolah berkenaan.

Seterusnya bacaan Doa Sekolah dan diteruskan dengan ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh Pengetua Sekolah, Dayang Ildil Rahmah binti Abdullah.

Ucapan Selawat kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dinyanyikan oleh murid-murid.

Ceramah bertajuk 'Halimatus Sa'adiah' disampaikan oleh Ketua Guru Jabatan Agama Islam sekolah tersebut, Awang Shahnon.

Acara turut dimuatkan dengan sesi kuiz yang berjaya menarik minat ramai pelajar dan kemudian diteruskan dengan penyampaian hadiah kepada pelajar yang menjawab kuiz dengan betul oleh Presiden sekolah, John Robert Bartholomew.

Pada akhir majlis, perarakan berwarna-warni Sambutan Maulidur Rasul dan bacaan Doa Selamat.

Objektif sambutan untuk mengambil iktibar dan pahala serta pengajaran sejak dari kelahiran Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassalam yang menjadi ikon dan contoh kepada generasi muda.



# Wanita berwawasan wanita beriman

Oleh : Hezlinawati Haji Abd Karim
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Hernie Suliana Haji Othman

WANITA… juga dikenali sebagai kaum hawa. Jika dahulunya sebelum kedatangan Islam, kaum wanita mungkin tidak setara dengan kaum lelaki, malahan diletakkan pada kedudukan yang hina. Dengan kedatangan Islam, ugama yang dibawa oleh Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, telah meletakkan kaum wanita di tempat yang selayaknya dihormati dan dimuliakan.

Di sisi Allah Ta'ala, wanita diletakkan pada kedudukan yang sama dengan kaum lelaki di dalam mendapat ganjaran pada setiap perbuatan baik yang dilakukannya. Perkara ini ada dijelaskan dalam firman Allah yang tafsirnya :

*"Barang siapa yang mengerjakan amal-amal saleh, baik laki-laki maupun wanita, sedang ia beriman, maka mereka itu masuk ke dalam surga dan mereka tidak dianiaya walau sedikit pun."* (Surah An-Nisa, ayat 124).

*"Hai manusia, sesungguhnya Kami menciptakan kamu dari seorang laki-laki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal-mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertakwa di antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mengenal."* (Surah Al-Hujurat, ayat 13).

Bagi memberi ruang kepada kaum wanita di negara ini untuk sama-sama berganding bahu menyebarkan syiar Islam dan bagi memperingati peranan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam meningkatkan status wanita, di samping menjadi contoh untuk diteladani, maka Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan kerjasama Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam dan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan mengadakan Perhimpunan Khas Wanita bersempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam peringkat negara pada 11 Januari lalu bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam perhimpunan khas tersebut telah menyemarakkan lagi sambutan yang diadakan sejak tahun 1995 ini.

## TEMA

Sambutan kali ini bertemakan 'Berwawasan Yang Berkat Dengan Bercontoh Kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam'. Tema tersebut didukung dengan firman-firman Allah Subhanahu Wata'ala di mana dalam Surah An Nur, ayat 55, Allah berfirman yang tafsirnya :

*"Allah berjanji kepada orang-orang yang beriman dan mengerjakan amal-amal soleh daripada kalangan kamu bahawa Dia akan menjadikan mereka Khalifah (Pemerintah Yang Berkuasa) di bumi sebagaimana Dia telah menjadikan orang-orang yang sebelum mereka Khalifah (Pemerintah Yang Berkuasa), dan akan memantapkan agama mereka yang diredai-Nya untuk mereka dan akan menggantikan keimanan setelah mereka mengalami ketakutan. Mereka sentiasa beribadat kepada Aku dengan tidak mempersekutukan Aku dengan sesuatu pun. Dan sesiapa yang kufur sesudah itu maka mereka itulah orang yang fasik."*

Di dalam ayat yang lain iaitu dalam Surah Al Ahzab, ayat 61, Allah Subhanahu Wata'ala berfirman, tafsirnya :

*"Demi sesungguhnya pada diri Rasulullah itu ada contoh yang baik bagi kamu, iaitu bagi orang yang mengharapkan (keredaan) Allah dan (kebahagiaan) hari akhirat serta banyak berzikir mengingatkan Allah."*

Sememangnya mana-mana negara di dunia ini mempunyai wawasan tersendiri. Masing-masing mempunyai matlamat yang ingin dicapai, dasar yang dirancang, strategi yang diatur dan sumber yang menyambung kepada ketahanan ekonomi. Semua itu diletakkan tanggungjawab ke atas pemerintah. Pemimpin atau pemerintah adalah sebagai Khalifah yang memegang amanah Allah. Setiap tindakkan yang diputuskan sewajarnya bersesuaian dengan kehendak dan peraturan Allah dan tidak boleh bertentangan dengannya supaya kita mendapat berkat daripadanya.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam adalah rujukan yang terbaik untuk dicontohi sebagai pemimpin yang berwawasan dalam merancang pembangunan sesebuah negara yang stabil, aman dan makmur lagi diberkati. Namun begitu berbagai rintangan dan cabaran telah Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam harungi dalam perjuangan sebelum mencapai kecemerlangan yang membawa rahmat seluruh alam kekal hingga ke hari kiamat.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam adalah pemimpin dunia yang pertama memperkenalkan sistem pemerintahan berperlembagaan yang tulen lagi lengkap mengambil kira tentang hak dan kewajiban rakyat dan pemerintah, hak golongan minoriti dan bukan Islam, menjelaskan kedaulatan undang-undang Allah. Asas wawasan Baginda dalam berkerajaan ialah menjaga hubungan dengan Allah 'Hablum Minallah' dan hubungan manusia 'Hablum Minannas'.

Kerajaan yang dibangunkan oleh Rasulullah telah berjaya membuktikan keunggulannya, menjadi cabaran kepada kerajaan-kerajaan yang ada pada masa itu dan menjadi contoh kepada kerajaan-kerajaan selepasnya. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah menunjukkan contoh teladan yang signifikan (bermakna) kepada umat sejagat dalam kepimpinan. Baginda mentadbir sesebuah Negara tanpa memisahkan tentang soal beragama dengan kehidupan dunia.




PERHIMPUNAN Khas Wanita bersempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam peringkat negara juga menyaksikan pameran dari beberapa agensi kerajaan dan NGO serta jualan oleh para pengusaha wanita.



WANITA berwawasan berkat wajib beriman kerana iman merupakan tunjang segala-galanya.

## WANITA BERWAWASAN

Menyentuh bagi golongan wanita pula, wanita yang berwawasan berkat itu diwajibkan beriman kerana iman adalah tunjang segala-segalanya setelah melihat kepada kedudukan wanita di dalam Islam menurut Al-Quran dan hadis. Tanpa iman segala amalan tidak akan dinilai. Iman itu pula hendaklah disertai dengan amalan yang soleh yang akan menerbitkan rasa takwa kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Sebagai hamba Allah, wanita itu hendaklah menunaikan kewajipan yang diperintahkan, sebagai anak hendaklah berbuat baik kepada ibu bapa. Sebagai isteri hendaklah menjaga kehormatan dan taat kepada suami, sebagai ibu hendaklah mendidik dengan cara yang dianjurkan oleh Islam, sebagai individu di dalam masyarakat, hendaklah berbuat baik sesama insan. Bila terlaksana kesemua amanah yang dipertanggungjawabkan itu maka akan turunlah berkat dalam suatu bentuk yang tidak dapat digambarkan kenikmatannya dan berkat itu bukannya akan melimpahi seorang sahaja tetapi akan mencakupi orang-orang yang di sekelilingnya.

Bagi wanita berkerjaya mahupun suri rumahtangga mereka boleh menerapkan sunnah untuk mewujudkan keluarga sakinah. Islam telah menggariskan hukum khas kepada kaum wanita yang bertujuan memelihara maruah wanita dan menjaga keselamatan mereka sekali gus menjadi bekalan di dalam membentuk keluarga yang sakinah. Perkara ini telah jelas disebutkan di dalam Al-Quran dan hadis dan tidak didapati di dalam mana-mana ajaran yang berbuat demikian antaranya etika menjaga Aurat, etika berpakaian, etika memakai perhiasan, etika pergaulan dengan bukan mahram, ciri-ciri memilih wanita yang ingin diperisterikan dan etika menjaga ahli keluarga perempuan.

## PAMERAN

Perhimpunan juga menyaksikan pameran- pameran dan jualan produk halal oleh para pengusaha tempatan wanita. Naib Yang Dipertua III MWNBD, Dayang Hajah Kertini binti Orang Kaya Paduka Setia Diraja Abang Haji Abu Hanifah selaku Pengerusi Bersama Pameran dan Jualan Produk Halal menjelaskan pameran dan jualan yang bermula sejak 11 Januari hingga 13 Januari itu bertujuan untuk menyemarakkan suasana perhimpunan khas wanita tahun ini.

"Selain itu pameran dan jualan produk halal juga merupakan sebagai galakkan kepada para pengusaha tempatan termasuk belia-beliawanis yang berkecimpung dalam bidang keusahawanan kerana kitani percaya bahawa salah satu daripada pintu rezeki itu adalah melalui perniagaan," jelasnya.

Katanya lagi sebanyak 26 buah meja disediakan yang menjual pelbagai barang termasuk makanan, minuman, aksesori, kraf tangan dan pakaian Muslimah. Selain itu pameran dari beberapa agensi kerajaan dan bukan kerajaan juga telah mempamerkan kejayaan dan kegiatan masing-masing. Apa yang beliau harapkan ialah mahu melihat golongan belia / beliawanis di negara ini agar *financial independent* dan terus berusaha untuk mempelbagaikan kegiatan-kegiatan dalam perniagaan.

Semoga dengan adanya perhimpunan seumpama ini akan dapat meningkatkan lagi ketakwaan dan keimanan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan akan menjadikan kitani golongan wanita khasnya akan terus istiqamah dalam menjalankan ibadah dan hidup berlandaskan ajaran Islam. Marilah kita sama-sama bercontoh kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ke arah mencapai wawasan yang kita harap-harapkan demi untuk mendapat reda Allah jua.



ANTARA makanan yang ada dijual pada acara tersebut.

# Timbalan Menteri Pertahanan terima kunjungan hormat

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pertahanan**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 11 Januari. - Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Mulia Laksamana Pertama (B) Dato Seri Pahlawan Awang Abdul Aziz bin Haji Mohd. Tamit telah menerima kunjungan hormat daripada War Wing Commander dari Command and Staff College, Kementerian Pertahanan Arab Saudi, Mejar Jeneral (Juruterbang) Abdullah bin Saleh Al-Shehri.

Menurut Siaran Akhbar Kementerian Pertahanan, pada kunjungan hormat tersebut, Timbalan Menteri Pertahanan menyambut baik lawatan Mejar Jeneral (Juruterbang) Abdullah ke Negara Brunei Darussalam dan kedua-dua belah pihak menyuarakan rasa puas hati ke atas hubungan baik di antara kedua negara. Kedua-dua pihak juga berharap untuk terus meneroka kerjasama yang boleh diperkembangkan termasuk dalam bidang latihan dan kursus ke arah meningkatkan hubungan pertahanan secara keseluruhannya.

Mejar Jeneral (Juruterbang) Abdullah mengetuai delegasi seramai 21 pegawai kanan terdiri daripada pelatih-pelatih dan peserta-peserta Command and Staff College, Kementerian Pertahanan Arab Saudi.

Rombongan berada di negara ini dari 6 hingga 13 Januari ini bagi lawatan sambil belajar.

Pada tahun 2016, Timbalan Menteri Pertahanan telah membuat dua lawatan ke Kerajaan Arab Saudi, yang pertama bagi lawatan kerja pada 26 hingga 29 Januari dan yang kedua bagi menyaksikan latihan tentera Exercise North Thunder pada 10 Mac yang lalu.

Pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Pertahanan, Kerajaan Arab Saudi yang terkini melawat Negara Brunei Darussalam ialah Mejar Jeneral Staf Pilot Hussein bin Mohammed Alassaf dan Brigedier Jeneral Mashari Saad Al-Ghunaim iaitu pada bulan April 2016.



TIMBALAN Menteri Pertahanan, Yang Mulia Laksamana Pertama (B) Dato Seri Pahlawan Awang Abdul Aziz bin Haji Mohd. Tamit (kanan) semasa menerima kunjungan hormat daripada War Wing Commander dari Command and Staff College, Kementerian Pertahanan Arab Saudi, Mejar Jeneral (Juruterbang) Abdullah bin Saleh Al-Shehri (kiri).

# Brunei - Arab Saudi terus kembangkan hubungan kerjasama pertahanan



PEMERINTAH ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Mohd. Tawih bin Abdullah (kiri) semasa menerima kunjungan hormat daripada War Wing Commander dari Command and Staff College, Kementerian Pertahanan Arab Saudi, Mejar Jeneral (Juruterbang) Abdullah bin Saleh Al-Shehri (kanan).

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pertahanan**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 11 Januari. - Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Mohd. Tawih bin Abdullah menerima kunjungan hormat daripada War Wing Commander dari Command and Staff College, Kementerian Pertahanan Arab Saudi, Mejar Jeneral (Juruterbang) Abdullah bin Saleh Al-Shehri.

Menurut Siaran Akhbar Kementerian Pertahanan, semasa kunjungan hormat tersebut, Pemerintah ABDB mengalu-alukan Mejar Jeneral (Juruterbang) Abdullah bin Saleh Al-Shehri untuk lawatan sulung yang dibuat oleh Command Staff College, Kerajaan Arab Saudi ke Brunei Darussalam.

Ketika mengadakan perbincangan, isu-isu kepentingan bersama turut dibincangkan dan kedua-dua belah pihak akan terus mengembangkan hubungan kerjasama dalam bidang pertahanan di antara kedua-dua buah negara.

Mejar Jeneral (Juruterbang) Abdullah bin Saleh Al-Shehri mengetuai delegasi seramai 21 pegawai kanan terdiri daripada pelatih-pelatih dan peserta-peserta Command and Staff College, Kementerian Pertahanan Arab Saudi.

# Universiti Politeknik Hong Kong tawar beberapa kursus

**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 11 Januari. - Seramai tiga perwakilan profesional dari Universiti Politeknik Hong Kong telah membuat lawatan kerja ke Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan pada 9 Januari lalu.

Menurut Siaran Akhbar Jabatan Ukur, rombongan tersebut diketuai oleh Ketua Jabatan Land Surveying and Geo-Informatics, Profesor Dr. Shi Wen Zhong, John.

Pemangku Juruukur Agung, Awang Haji Ali Bakar bin Haji Kasim mengalu-alukan kehadiran wakil profesional tersebut dan menghargai usaha mereka untuk melawat ke Jabatan Ukur.

Universiti Politeknik Hong Kong adalah sebuah universiti yang telah lama ditubuhkan sejak tahun 1937.

Universiti berkenaan menawarkan program-program dari peringkat Diploma Tertinggi dan Sarjana Muda hingga ke peringkat pascasiswazah (Sarjana dan Doktor Falsafah).

Program-program tersebut merangkumi pelbagai jurusan seperti Pengukuran Tanah dan Geo-Informatik, Perkomputeran, Logistik dan Kajian Maritim dan lain-lain lagi.

Tujuan utama lawatan kerja itu untuk memperkenalkan program kursus yang ditawarkan, iaitu kursus Diploma Tertinggi, Sarjana Muda dan Sarjana jurusan Pengukuran Tanah dan Geo-Informatik kepada Jabatan Ukur sekali gus dapat menarik minat para pegawai dan kakitangan jabatan untuk mengambil kursus berkenaan.

Perjumpaan tersebut juga diharapkan dapat membina hubungan kerjasama di antara Universiti Politeknik Hong Kong dan Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan.

Profesor Dr. Shi Wen Zhong, John selaku Ketua Jabatan Land Surveying and Geo-Informatics, menyatakan Jabatan tersebut menawarkan program yang berkaitan dengan geomatik yang memfokuskan kepada Pengukuran Tanah, Geo-Informatik dan Pengurusan Utiliti dan Pengukuran.

Selain itu juga, ia diiktirafkan oleh badan institusi profesional tempatan seperti Hong Kong Institutes of Surveyors (HKIS), Hong Kong Institutions of Engineers (HKIE) dan Hong Kong Institution of Engineering Surveyors (HKIES) dan serantau seperti Royal Institutions of Chartered Surveyors (RICS).

Beliau juga menambah bahawa universiti berkenaan ada menawarkan biasiswa penuh bagi pelajar terbaik, tempatan atau antarabangsa, tertakluk kepada terma dan syarat.

Hadir pada perjumpaan tersebut, Pemangku Timbalan Juruukur Agung dan para pegawai kanan di Jabatan Ukur.



PEMANGKU Juruukur Agung, Awang Haji Ali Bakar bin Haji Kasim serta pegawai-pegawai Jabatan Ukur semasa bergambar ramai bersama perwakilan dari Universiti Politeknik Hong Kong.

# Anggota bomba diseru berdaya tahan mental, fizikal

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 11 Januari. - Tugas dan tanggungjawab sebagai seorang pegawai dan anggota bomba memerlukan kedayatahanan mental dan fizikal dan juga kecekapan untuk berfikir memandangkan mereka bukan sahaja ditugaskan bagi memadam kebakaran dan menyelamat nyawa dan harta benda akan tetapi mereka juga merupakan agensi yang ditanggungjawabkan bagi memastikan keselamatan bangunan-bangunan sentiasa terjamin.

Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Awang Haji Azhar bin Haji Ahmad berkata, selain daripada faktor tenaga manusia *(manpower)* dan *factor machine* iaitu penggunaan perkakas-perkakas yang bersesuaian, kaedah *(method)* yang bersesuaian bagi menangani insiden-insiden kecemasan adalah sama pentingnya.

"Penggunaan ketiga-tiga faktor Man, Machine dan Method secara harmoni akan dapat memberikan jaminan tahap perlindungan kebakaran di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB)," ujarnya pada Upacara Tamat Latihan Kursus Asas Kebombaan Skuad 01/2016 dan Kursus Pegawai Rendah Bahagian Perkhidmatan Bomba Lapangan Terbang Jabatan Penerbangan Awam yang berlangsung di Balai Bomba Utama Bahagian Perkhidmatan Bomba Lapangan Terbang, Jabatan Penerbangan Awam, di sini.

Dari itu katanya, latihan-latihan kecemasan hendaklah sentiasa dilaksanakan bagi menguji dan mempraktikkan Standard Operating Procedures bagi memastikan prosedur berkenaan adalah bersesuaian dengan insiden-insiden kecemasan.

Apa yang ingin beliau tekankan ialah untuk pihak Bomba Lapangan Terbang untuk sentiasa membuat penyelidikan dan mempelajari penggunaan kaedah *(method)* yang bersesuaian dengan mengambil kira kejadian-kejadian yang berlaku di luar negara dan senario-senario kecemasan yang melibatkan pesawat-pesawat terbang.

Dengan adanya pengetahuan itu nanti tambahnya, ianya dapat membantu dalam menangani dan mengurus sesuatu kecemasan dengan cekap dan teratur.

Terdahulu beliau menjelaskan, sebagai sebuah negara ahli kepada Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (ICAO), Negara Brunei Darussalam mempunyai tanggungjawab *(obligation)* bagi mematuhi dan melaksanakan saranan dan garis pandu yang terkandung di dalam Standards and Recommended Practices (SARPs) pada ICAO Annexs sama ada dalam pemberian atau penyediaan perkhidmatan dan kemudahan.

Menurutnya, sebagaimana yang dinyatakan di dalam Annex 14 adalah menjadi keperluan bagi sesebuah negara ahli untuk menyediakan agensi penyelamat *(first responders)* yang berkelayakan, di samping penyediaan kaedah dan perkakas-perkakas yang bersesuaian dengan tahap perlindungan kebakaran sesebuah lapangan terbang.

Bagi konteks Negara Brunei Darussalam katanya lagi, Bahagian Perkhidmatan Bomba Lapangan Terbang di Jabatan Penerbangan Awam adalah merupakan agensi penyelamat yang telah dipertanggungjawabkan bagi memenuhi piawaian yang dinyatakan tersebut bagi memastikan tahap perlindungan kebakaran bagi pesawat-pesawat yang menggunakan LTAB.

Jika bahagian ini gagal berfungsi dengan sempurna tambahnya, ia boleh menyebabkan kegagalan untuk memberikan perkhidmatan menyelamat terhadap pesawat-pesawat terbang yang bertolak dan mendarat di lapangan terbang ini dan akan mengakibatkan lapangan terbang ini ditutup dari operasi penerbangan.

Beliau dimaklumkan bahawa Kursus Asas Kebombaan bagi seramai 10 orang Ahli Bomba Pelatih yang baru berkhidmat di Bahagian Perkhidmatan Bomba Lapangan Terbang telah dijalankan secara sepenuh masa selama enam bulan berturut-turut manakala Kursus Pegawai Rendah yang telah dijalankan selama empat minggu berturut-turut adalah bagi dua orang Ahli Bomba Kanan yang telah dinaikkan pangkat sebagai Timbalan Pegawai Balai dan juga bagi enam orang Ahli Bomba Kanan bagi meningkatkan pengetahuan dalam strategi dan teknik menghadapi sesebuah insiden kecemasan, di samping mentadbir sesebuah unit di Bahagian Perkhidmatan Bomba Lapangan Terbang.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Perhubungan, Awang Haji Azhar bin Haji Ahmad semasa menyampaikan ucapan pada Upacara Tamat Latihan Kursus Asas Kebombaan Skuad 01/2016 dan Kursus Pegawai Rendah Bahagian Perkhidmatan Bomba Lapangan Terbang Jabatan Penerbangan Awam.

# Upacara tamat latihan 10 pelatih anggota bomba

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Hamzah Mohidin



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Perhubungan, Awang Haji Azhar bin Haji Ahmad semasa memeriksa perbarisan pada Upacara Tamat Latihan Kursus Asas Kebombaan Skuad 01/2016 dan Kursus Pegawai Rendah Bahagian Perkhidmatan Bomba Lapangan Terbang Jabatan Penerbangan Awam yang berlangsung di Balai Bomba Utama Bahagian Perkhidmatan Bomba Lapangan Terbang, Jabatan Penerbangan Awam.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Perhubungan, Awang Haji Azhar menyampaikan hadiah kepada Abdul Hamadi bin Haji Raya @ Yahya, iaitu terbaik dalam Kategori Keseluruhan pada majlis tersebut.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 11 Januari. – Perkhidmatan Bomba Lapangan Terbang adalah salah satu bahagian di Jabatan Penerbangan Awam yang dipertanggungjawabkan untuk memberikan perkhidmatan perlindungan kebakaran dan kecemasan kapal terbang bagi semua operasi penerbangan di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

Keperluan itu adalah mengikut piawaian antarabangsa di bawah Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (ICAO).

Sebarang aduan, orang ramai bolehlah menghubungi pihak jabatan melalui Talian Darussalam : 123 / Livechat +673 8333123, Facebook : *Jabatan Kerja Raya, Brunei Darussalam* dan e-mel : *pro@pwd.gov.bn*.




**Dari muka 8**

Jelasnya, hasil pemeteraian MoU dan MoA, UNISSA setakat ini telah menghantar seramai 119 pelajarnya yang cemerlang dalam pelbagai bidang untuk mengikuti pengajian setahun di universiti-universiti berkenaan dan sebaliknya, beberapa buah universiti yang menjadi rakan strategik UNISSA juga telah menghantar pelajar-pelajar mereka ke UNISSA sama ada untuk mengikuti pengajian dalam tempoh tertentu atau mengadakan kunjungan ilmiah dan kerja-kerja kemasyarakatan di Negara Brunei Darussalam di mana peningkatan kehadiran tenaga akademik dari luar negara yang membuat penyelidikan melalui cuti *sabbatical* di UNISSA juga semakin dirasai serta kehadiran mereka sudah setentunya merancakkan lagi aktiviti-aktiviti penyelidikan di Negara Brunei Darussalam.

"UNISSA juga telah diberi kepercayaan menjadi ahli lembaga eksekutif bagi beberapa pertubuhan universiti seperti ASIAN Islamic Universities Association (AIUA), Islamic Universities League (IUL) dan Association of Universities of Asia dan the Pacific (AUAP) serta menjadi ahli kepada Federation of the Universities of the Islamic World (FUIW), Asia Pacific University Community Engagement Network (APUCEN) dan ASEAN University Network-Quality Assurance (AUN-QA)," tambahnya.

Dalam usaha menyuburkan pengongsian kajian ilmiah dalam kalangan sarjana penyelidikan dan pakar di rantau ini jelasnya, UNISSA bersama-sama dengan rakan strategik meneruskan legasi ini dengan menganjurkan beberapa buah persidangan dan seminar peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa sama ada dianjurkan di dalam negeri mahupun luar negara.

Sejak kehadiran UNISSA dalam dunia pengajian tinggi Islam di rantau ini, UNISSA jelasnya mula menjadi pilihan alternatif bagi pelajar serantau dan antarabangsa untuk melanjutkan pengajian Islam mereka ke peringkat lebih tinggi di mana 10 peratus dari jumlah keseluruhan pelajar UNISSA adalah terdiri dari pelajar antarabangsa.

Beliau menambah, sehingga kini, UNISSA telah menjadi pusat pengajian bagi 162 pelajar antarabangsa dari 32 buah negara yang mengikuti pengajian mereka dalam pelbagai peringkat.

"Alhamdulillah, kejayaan UNISSA melahirkan para graduannya yang bukan sahaja terdiri dari pelajar-pelajar tempatan malahan juga pelajar dari luar negara ini, mencerminkan komitmen dan kesungguhan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk sama-sama memberikan sumbangan yang signifikan kepada pembangunan ummah sejagat," ujarnya.

Selain memacu kecemerlangan akademik pelajar tambahnya lagi, UNISSA juga turut menggalakkan pelajarnya aktif menyertai pelbagai khidmat kemasyarakatan dan melibatkan diri dalam aktiviti kesukarelawanan sehingga masyarakat setempat merasakan kehadiran UNISSA lebih bermakna.

Beliau berkata, kesungguhan UNISSA dalam menggarap kemahiran para pelajar melalui pelbagai persatuan, telah menyaksikan kejayaan pelajarnya mengukir nama bukan sahaja di peringkat negara malahan ke peringkat antarabangsa yang mana antara pencapaian cemerlang berkenaan ialah kejayaan tiga pelajar Fakulti Syariah dan Undang-Undang yang menjadi ahli Persatuan Pelajar Undang-Undang Asia (ALSA) memenangi Pertandingan Bahas 'Thomas Philips Moot' dalam Persidangan Tahunan yang berlangsung di Malaysia pada awal tahun 2016. Salah seorang pelajar UNISSA juga telah dianugerahkan 'Most Diplomatic Person in ASEAN Political-Security Community' dalam '2nd ASEAN Foundation Model ASEAN Summit' yang diadakan di Laos pada awal bulan Oktober 2016.

# Takwa perisai hadapi cabaran kehidupan

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Hernie Suliana Haji Othman, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



CERAMAH Khas disampaikan oleh Pegawai Ugama Pusat Da'wah Islamiah, Dayangku Norhayati binti Pengiran Kasharan.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 11 Januari. - Perkara pertama dalam mencapai 'Wawasan yang Berkat' adalah takwa, kerana orang-orang yang akan merealisasikan wawasan negara kenalah semuanya bertakwa.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Pegawai Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dayangku Norhayati binti Pengiran Kasharan semasa menyampaikan Ceramah Khas pada Majlis Perhimpunan Khas Wanita sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Tahun 1438 Hijrah bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini.

Takwa terangnya, adalah hasil daripada iman yang mantap kerana orang beriman hatinya selalu ingat akan Allah yang sentiasa melimpahkan kasih dan rahmat-Nya kepada setiap makhluk.

Menurutnya, iman adalah nikmat terbesar yang diberikan oleh Allah di mana hidayah iman akan menjamin keselesaan di dunia dan akhirat.

"Nikmat iman wajib dihargai. Dalam keadaan Negara Brunei Darussalam yang aman, Alhamdulillah mudah bagi kita mengamalkan Islam sebagai cara hidup yang lengkap. Renungkan cabaran yang dihadapi oleh saudara-saudara Islam di banyak tempat yang terpaksa mempertaruhkan nyawa demi memelihara akidah. Peliharalah iman sebagai tanda syukur kepada Allah. Berkat iman pemimpin dan orang-orang Brunei harus pemeliharaan Allah berserta kitani sehingga hari ini.

"Kita semua menumpang tuah berkat iman orang-orang di Brunei. Bersyukur dengan prasarana dan bantuan kerajaan kepada kita. Pendidikan, kesihatan, keselamatan, kebajikan semua diberikan perhatian oleh kerajaan. Malulah untuk tidak bersyukur. Malu pada nikmat Allah yang sentiasa dikurniakan sejak kita dilahirkan hingga hari kita mati nanti.

"Menurut Imam al-Ghazali Rahimahullah, kalimah takwa yang terdapat di dalam Al-Qur'an Al-Karim mengandungi maksud, menyucikan hati daripada dosa. Imam al-Ghazali membuat kesimpulan bahawa takwa itu ialah menjauhkan setiap apa yang ditakuti akan membawa mudarat kepada agama. Bandingannya ialah berpantang bagi orang yang berpenyakit. Adapun berpantang daripada melakukan perkara-perkara yang membawa kerosakan kepada agama pula ialah 'bertakwa'. Takwa ialah ketundukan dan ketaatan terhadap perintah Allah dan menjauhi segala apa yang ditegah-Nya," tambah beliau.

Perkara kedua pula terangnya adalah zikir.

Allah Subhanahu Wata'ala ujarnya, menjamin keselamatan bagi orang-orang yang ingat akan Allah kerana orang yang ingat akan Allah ialah orang bertakwa.

Takwa juga jelasnya, sebagai perisai dalam menghadapi cabaran dalam kehidupan yang mana orang bertakwa cukup dengan bantuan Allah kerana keyakinannya membawa kepada jalan-jalan penyelesaian dengan bantuan Allah.

# Tingkat pembelajaran majukan pencapaian akademik

Oleh : Wan Mohammad Sahran Wan Ahmad, Ammar Asyraaf Haji Suhaimi
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



PEMANGKU Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan (Korporat), Awang Haji Mohd. Sharifuddin bin Haji Mohd. Salleh ketika menyampaikan sumbangan derma kepada salah seorang penerima.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 11 Januari. – Pelajar-pelajar yang ditimpa musibah diharap terus meningkatkan pembelajaran mereka dengan berusaha lebih gigih bagi memajukan lagi pencapaian akademik masing-masing.

Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar Jabatan Sekolah-Sekolah (JSS), Dayang Hajah Jeriah binti Haji Duraman dalam ucapannya melahirkan penghargaan terima kasih atas kerjasama semua pihak terutamanya warga JSS serta pihak Sekolah Menengah Awang Semaun dan Sekolah Rendah Sungai Kebun dalam sama-sama menjayakan usaha yang berkebajikan dalam keprihatinan memeduli para pelajar yang ditimpa musibah itu.

"Alhamdulillah, dengan adanya kerjasama yang padu ini, pihak Jabatan Sekolah-Sekolah dapat mengungkayahkan inisiatif ini yang bertujuan semata-mata untuk memberikan sedikit bantuan yang berupa pakaian seragam sekolah," jelasnya pada Majlis Penyampaian Sumbangan Derma kepada Pelajar-pelajar yang ditimpa Musibah Kebakaran di Kampung Sungai Asam, Kampung Pandai Besi dan Kampung Lurong Dalam.



KETUA Bahagian Hal Ehwal Pelajar Jabatan Sekolah-Sekolah (JSS), Dayang Hajah Jeriah binti Haji Duraman semasa berucap.

Hadir menyampaikan sumbangan hamper di Dewan Sekolah Menengah Awang Semaun ialah Pemangku Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan (Korporat), Awang Haji Mohd. Sharifuddin bin Haji Mohd. Salleh.

Terdahulu, sedikit tazkirah disampaikan oleh Pegawai Pendidikan, Awang Saat bin Haji Mokim yang menyentuh tentang erti ketenangan dan kebahagiaan di dalam kehidupan.

"Maksud mencari ketenangan tidak semestinya dapat dilihat dengan faktor kekayaan ataupun faktor harta kerana kadang-kadang orang yang tinggal di pondok buruk tidurnya lebih tenang daripada orang yang berharta," terangnya.

Beliau juga ada menyentuh tentang pembahagiaan nikmat-nikmat Allah Subhanahu Wata'ala yang mana seseorang yang mempunyai nikmat sebagai contoh seseorang yang mempunyai rumah yang besar belum tentu akan mempunyai kehidupan yang tenang kerana tidak ada sesiapa di dunia ini mampu menghalang ketetapan Allah Subhanahu Wata'ala jika Allah menghalang kebahagiaan kepada seseorang.

Awang Saat juga menasihatkan terutama kepada para pelajar dan juga keluarga yang ditimpa musibah bahawa Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam juga berpesan kepada umatnya supaya jangan bersedih kerana Allah Subhanahu Wata'ala sentiasa bersama kita dan berdoa serta serahkan semuanya kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Seramai 29 pelajar tragedi kebakaran secara berasingan yang berlaku baru-baru ini menerima sumbangan berkenaan.

Para pelajar yang menerima bantuan itu terdiri dari Sekolah Menengah Awang Semaun, Sekolah Rendah Sungai Kebun, Sekolah Rendah Mentiri, Sekolah Rendah Pintu Malim dan Sekolah Rendah Sultan Hasan, Bangar yang ditimpa kebakaran pada 6 Disember lalu di Kampung Sungai Tanit di Daerah Temburong.

Juga hadir, Ketua-Ketua Bahagian serta para Pegawai Kanan JSS serta tenaga-tenaga pengajar sekolah.

# Cawangan baharu BIBD beroperasi 12 Januari

Siaran Akhbar : Bank Islam Brunei Darussalam

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 11 Januari. - Dalam usaha Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) untuk menyediakan pelanggan dengan lebih banyak kemudahan, BIBD akan memulakan operasi cawangan ke-16 di Brunei Darussalam pada 12 Januari 2017.

Menurut Siaran Akhbar BIBD, cawangan yang terletak di Kampung Serusop boleh memberi perkhidmatan kepada semua pelanggan BIBD dari yang runcit, korporat dan Perdana.

Cawangan Serusop beralamat di Unit 1-3, Tingkat Bawah, Blok A, Kompleks Hasssain, Simpang 42, Kampung Delima Satu, Jalan Muara, Bandar Seri Begawan, BB2313.

Cawangan tersebut akan menempatkan kemudahan cawangan BIBD yang termasuk SME dan perkhidmatan juruwang, pembiayaan, pengurusan kekayaan, pembukaan akaun, pemindahan dana, kantung selamat dan perkhidmatan umum yang lain.

BIBD akan menambah kemudahan lebih lanjut dengan pemasangan dua Mesin Auto-Teller, satu Deposit Tunai dan mesin Deposit Cek menjelang akhir bulan Februari.

Operasi cawangan BIBD Serusop adalah seperti berikut, iaitu pada hari Isnin hingga Khamis jam 8.45 pagi hingga 4.00 petang.

Pada hari Jumaat, waktu beroperasi ialah 8.45 hingga 11.00 pagi dan disambung semula pada jam 2.30 hingga 4.00 petang.

Pada hari Sabtu pula, waktu beroperasi adalah pada jam 8.45 hingga 11.15 pagi dan ditutup pada hari Ahad dan cuti awam.

Untuk maklumat lanjut mengenai mana-mana perkhidmatan BIBD, produk dan promosi sila ikuti akaun Instagram BIBD di BIBDBRUNEI, laman Facebook di *www.facebook.com/bibdbrunei*, berhubung dengan Pusat Panggilan BIBD melalui +673 2238181 atau kunjungi cawangan-cawangan BIBD yang terdekat.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai tawaran-tawaran dan promosi terbaharu BIBD, orang ramai bolehlah memuat turun BIBD App Mobile di bawah tajuk 'What's New'.



SEBAHAGIAN daripada guru-guru agama dan penuntut yang turut serta dalam Program Keagamaan Senegara.

# Fokuskan persiapan awal tahun persekolahan

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

**TUTONG,** Khamis, 12 Januari. - Dalam pendidikan Islam, matlamat yang ingin dicapai ialah ingin melahirkan al-Insan as-Saleh.

Pendidikan yang seimbang dan sempurna pula sentiasa memberi penekanan kepada kedua-dua aspek, iaitu kurikulum dan gerak kerja kokurikulum.

Sehubungan dengan itu, Program Keagamaan Senegara Persekolahan Ugama dan Arab bagi bulan Januari 2017 memberikan pelajar-pelajar kefahaman mengenai persiapan awal tahun persekolahan untuk sentiasa berusaha mencapai kejayaan dalam pelajaran dengan membawa tema Persiapan Awal Tahun Persekolahan'.

Program tersebut bermula jam 2.00 petang bagi semua sekolah ugama sesi petang seluruh negara di mana di daerah ini tertumpu di Sekolah Ugama Tanjong Maya, di sini.

Acara program dimulakan dengan tazkirah 'Persiapan Awal Tahun Persekolahan' oleh salah seorang tenaga pengajar di sekolah berkenaan, Guru Kanan Pentadbiran, Awang Ermadini bin Jailani.

Antara inti pati tazkirah menyentuh mengenai pelajar-pelajar supaya tidak leka dan lalai dengan membuat persediaan awal dengan memberi fokus sepenuhnya kepada semua mata pelajaran di samping lebih bijaksana dalam membahagikan masa dalam belajar semasa di rumah dan membuat aktiviti sampingan.

Para pelajar merupakan generasi yang seharusnya peka dan berusaha merealisasikan hasrat negara, iaitu melahirkan generasi berwawasan untuk mencapai Wawasan 2035.

Keberkatan dalam menuntut ilmu ialah, sifat keikhlasan dengan sering mendekatkan diri dengan guru-guru dan berbuat baik dengan ibu bapa / penjaga diikuti dengan berdoa dan bertawakal yang datang hanya selepas berusaha.

Seterusnya membaca Ratib Al-Attas oleh semua pelajar, Doa Awal Tahun Persekolahan dan diakhiri dengan membaca Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Menyentuh mengenai persiapan awal persekolahan, Awang Ermadini semasa ditemui menjelaskan, murid-murid sentiasa fokus belajar pada mata pelajaran dengan membahagikan masa belajar dan bermain serta bijak bermain untuk menghilangkan stres.

Perkara yang sama turut dipersetujui oleh salah seorang murid Darjah 6, Dayang Qasrina Nadirah binti Abdul Aji yang berpendapat, sebagai pelajar hendaklah pandai membahagikan masa untuk belajar di rumah kerana dengan itu kita dapat memahami pelajaran semasa mengulang kaji pelajaran ketika berada di rumah.

Mana-mana mata pelajaran yang belum jelas atau kurang faham itu nanti tambahnya, boleh ditanya atau dirujuk semula kepada guru yang mengajar di sekolah.

# Murid ugama diseru agar tidak leka dan lalai



SEBAHAGIAN dari murid-murid Sekolah Ugama Pelambayan semasa Program Keagamaan Senegara Persekolahan Ugama dan Arab bagi bulan Januari 2017M / 1438H.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Hamzah Mohidin

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 12 Januari. - Matlamat yang ingin dicapai dalam Pendidikan Islam adalah untuk melahirkan al-Insan as-Saleh yang mana pendidikan seimbang dan sempurna sentiasa memberi penekanan kepada kedua-dua aspek, iaitu kurikulum dan gerak kerja kokurikulum.

Sehubungan itu, Jabatan Pengajian Islam (JPI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) mengadakan Program Keagamaan Senegara Persekolahan Ugama dan Arab 14368H / 2017M bagi bulan Januari yang diselenggarakan di keempat-empat daerah yang akan bermula pada jam 8.00 pagi bagi sekolah-sekolah ugama sesi pagi dan sekolah-sekolah Arab, dan pada jam 2.00 petang bagi semua sekolah-sekolah ugama seluruh daerah.

Dalam hubungan itu, Sekolah Ugama Pelambayan telah menyelenggarakan program berkenaan yang dimulai dengan sesi tazkirah bertajuk 'Persiapan Awal Tahun Persekolahan' disampaikan oleh Guru Sekolah Ugama Pelambayan, Awang Mohd. Romi bin Alias.

Majlis diteruskan dengan membaca Ratib Al-Attas oleh semua murid-murid, Doa Awal Tahun Persekolahan dan diakhiri dengan membaca Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Tema program keagamaan kali ini ialah 'Persiapan Awal Tahun Persekolahan' memberikan murid-murid kefahaman mengenai persiapan awal tahun persekolahan untuk sentiasa berusaha mencapai kejayaan dalam pelajaran.

Mereka diterangkan supaya tidak leka dan lalai dengan membuat persediaan awal dengan memberi fokus sepenuhnya kepada semua mata pelajaran.

Di samping itu kebijaksanaan dalam membahagikan masa dalam belajar semasa di rumah dan membuat aktiviti sampingan adalah perlu.

Murid-murid merupakan generasi yang seharusnya peka dan berusaha merealisasikan hasrat negara iaitu melahirkan generasi berwawasan untuk mencapai Wawasan 2035.

Keberkatan dalam menuntut ilmu ialah sifat keikhlasan dengan sering mendekatkan diri dengan guru-guru dan berbuat baik dengan ibu bapa atau penjaga kerana berdoa dan bertawakal hanya datang selepas berusaha.

# MAKLUMAN

## Pendaftaran haji mula dibuka 16 Januari

Siaran Akhbar : Jabatan Urusan Haji

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 12 Januari - Jabatan Urusan Haji memaklumkan bahawa Pendaftaran Haji bagi tahun 1438 Hijrah / 2017 Masihi akan dibukakan kepada orang ramai bermula hari Isnin, 16 Januari 2017, sebelah pagi bermula jam 8.30 pagi hingga 11.30 pagi dan sebelah petang bermula jam 2.00 petang hingga 3.30 petang.

Sehubungan itu, orang ramai yang berhasrat untuk mendaftar bolehlah mendapatkan borang pendaftaran haji dengan harga BND2.00 (Dua ringgit) pada tarikh yang tersebut di pusat-pusat pendaftaran, iaitu Unit Pendaftaran, Bahagian Pengurusan Haji, Jabatan Urusan Haji, Tingkat 2, Bangunan Tambahan Baharu, Kementerian Hal Ehwal Ugama di Jalan Menteri Besar.

Selain itu, borang-borang pendaftaran juga boleh didapati di Pejabat-Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Belait, Tutong dan Temburong.

Tarikh tutup pendaftaran haji ialah pada hari Sabtu, 15 April 2017.

Adalah dimaklumkan juga bahawa permohonan pendaftaran haji bagi tahun 1438 Hijrah / 2017 Masihi adalah diletakkan dalam senarai menunggu.

## Tarikh akhir pembayaran TAP, SCP 15 Januari ini

Siaran Akhbar : Tabung Amanah Pekerja

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 12 Januari. - Tabung Amanah Pekerja (TAP) memaklumkan bahawa tarikh akhir bagi majikan membayar caruman TAP & Skim Pencen Caruman Tambahan (SCP) bagi bulan Disember 2016 adalah pada hari Ahad, 15 Januari 2017.

Kelewatan pembayaran caruman tersebut akan mengakibatkan majikan untuk membayar kerugian dividen, caj lewat bayaran dan caj perkhidmatan.

Bermula 1 November 2016, pembayaran caruman hendaklah dibuat secara *online* dengan menggunakan kemudahan e-Amanah melalui laman sesawang TAP di *www.tap.com.bn.*

Untuk maklumat lanjut mengenai perkara ini, sila hubungi e-Amanah hotline + 673 2382929 sambungan 711 / 714 / 741 dan 742.

## DBP anjur Peraduan Esei Ilmiah

Siaran Akhbar : Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 11 Januari. - Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) akan menganjurkan Peraduan Menulis Esei Ilmiah Pangsura 2016.

Menurut Siaran Akhbar DBP, peraduan itu difokuskan pada penulisan tentang manuskrip yang memuatkan beberapa kajian seperti Kajian Sastera Wanita, Kajian Sastera dan Industri Kreatif, Kajian Sastera dan Lingkungan Hidup, Kajian Sastera Islam, Kajian Nilai-nilai Budaya dalam Karya Sastera dan Kajian Sukut dalam Pantun Melayu Brunei.

Peraduan itu dibukakan kepada semua warganegara dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang berusia 18 tahun ke atas pada atau sebelum tarikh tutup penyertaan, iaitu pada pukul 4.00 petang, 28 Februari nanti.

Pemenang peraduan akan menerima hadiah-hadiah dengan hadiah penghormatan pertama berupa wang tunai BND2,500 kedua BND2,000 dan ketiga sebanyak BND1,500 berserta plak dan sijil, manakala itu tiga lagi akan menerima hadiah sagu hati berupa wang tunai BND600 berserta plak dan sijil.

Orang ramai yang berminat untuk menyertai peraduan tersebut bolehlah menghubungi Pengarang Kanan DBP, Dayang Hajah Simpul binti Matyasin melalui talian +673 2382511 sambungan 192 untuk keterangan lanjut.

# Pembangunan koperasi pertanian terus dipertingkatkan



PEGAWAI Kemajuan Koperasi, Bahagian Koperasi dan Industri Kotej (CIC), Jabatan Tenaga dan Perindustrian, Jabatan Perdana Menteri, Dayangku Khairunnisa binti Pengiran Haji Zahari (kiri) semasa menyampaikan sijil kepada peserta kursus.

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

**KAMPUNG ANGGEREK DESA,** Khamis, 12 Januari. - Seramai 28 peserta Program Latihan Pemprosesan Buah yang telah menamatkan program, menerima sijil masing-masing pada majlis penutup dan penyampaian sijil program berkenaan.

Sijil-sijil kepada para peserta disampaikan oleh Pegawai Kemajuan Koperasi, Bahagian Koperasi dan Industri Kotej (CIC), Jabatan Tenaga dan Perindustrian, Jabatan Perdana Menteri, Dayangku Khairunnisa binti Pengiran Haji Zahari di Auditorium, Bangunan iCentre, di sini.

Pegawai Kemajuan Koperasi, CIC, Dayang Norhazamiah binti Hamid dalam ucapannya berkata, program tersebut adalah salah satu program bagi meningkatkan pembangunan koperasi pertanian dan menggalakkan penglibatan koperasi pertanian dalam aktiviti agribisnes, iaitu pemprosesan produk pertanian.

Selain itu, jelasnya, ia juga bertujuan untuk meningkatkan pendapatan koperasi pertanian melalui pemasaran produk pertanian yang mempunyai nilai tambah.

"Melalui latihan ini, para peserta dari koperasi pertanian juga mendapat bimbingan untuk meningkatkan tadbir urus dalam koperasi dan pengurusan perniagaan termasuk konsep pemasaran dalam usaha untuk meningkatkan daya saing koperasi pertanian," ujarnya.

Sementara itu, Pelita Brunei juga berkesempatan menemui wakil pelajar program, Awang Haji Amat bin Haji Anggas yang mengongsikan mengenai salah satu konsep yang beliau pelajari dari program tersebut, iaitu Zero Waste atau Tanpa Sisa di mana koperasi boleh mengeluarkan produknya sendiri iaitu baja kompos atau organik berasaskan sisa bahan buangan pertanian.

"Saya percaya produk tersebut dapat menampung keperluan baja kepada ahli-ahli koperasi dan dalam masa yang sama dapat mengurangkan kos pengeluaran para ahli koperasi kitani," kata beliau.

Beliau menambah, produk tersebut mempunyai masa hadapan yang cerah untuk dikomersialkan atau dikembangkan bagi kegunaan para peladang seluruh negara.

"Kita dapat mengurangkan nilai import baja bagi mengurangkan kebergantungan baja import sepenuhnya dari luar negara," jelasnya.

Program anjuran CIC dengan kerjasama IMBRU Essential Oil Enterprise tersebut dijalankan selama sebulan bermula 26 November 2016 yang lalu, antara lain bertujuan untuk membina kapasiti para peserta di koperasi-koperasi melalui bengkel-bengkel, seminar-seminar dan bengkel praktikal dalam negara.

Penempatan, pemadanan perniagaan dan sesi perkongsian ilmu bersama koperasi-koperasi dari luar negara juga diadakan bagi mendidik para peserta dalam operasi-operasi pemprosesan produk pertanian yang berbeza dan hiliran agribisnis tambah nilai yang berpotensi secara lebih jauh.

Pada program berkenaan, para peserta turut diajar secara teori dan praktikal mengenai cara-cara untuk menangani dan meningkatkan jangka hayat komoditi pertanian yang mudah rosak; mengendalikan dan menyimpan produk-produk pertanian secara efisien; dan mengurangkan kos penghasilan.



AWANG Haji Amat bin Haji Anggas, salah seorang peserta Program Latihan Pemprosesan Buah ketika ditemu bual oleh Pelita Brunei.

# Pengusaha tempatan perlu berdaya saing, raih kejayaan




PENGURUS S. Aisya, Datin Latifah binti Haji Yaakub.

Oleh : Aimi Sani
Foto : Azmah Haji Ahad

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 12 Januari. - Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) merupakan tonggak kepada ekonomi sesebuah negara.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah banyak membantu rakyat dari segi infrastruktur dan kemudahan yang pro-business selain menubuhkan Pusat PKS bagi meningkatkan pencapaian agar perusahaan ini lebih meluas, berdaya saing, berdaya tahan, bukan sekadar untuk sara diri malahan boleh dieksport dan mencapai tahap antarabangsa.

Pemilik Khai Nur Kraf, Dayang Hajah Nisbah binti Haji Awang Moksin, 73, dari Kampung Madewa ketika ditemui berkata, beliau mula berniaga membuat kraf tangan sejak tiga tahun lalu.

Menurutnya, idea ini timbul dari sepupu beliau yang juga mempunyai perniagaan yang serupa iaitu Datin Hajah Latifah binti Haji Yaakub.

"Alhamdulillah, pameran yang berlangsung sempena Majlis Perhimpunan Khas Wanita sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara Bagi Tahun 1438 Hijrah ketika ini di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas membuka peluang yang luas bagi PKS seperti beliau dan yang lain untuk menjana pendapatan selain mengetengahkan produk-produk hasil sendiri.

Antara produk yang saya hasilkan ialah bunga hiasan, beg tangan dari jong sarat. "Saya boleh menyiapkan satu bunga dalam masa sehari. Tempahan orang ramai meningkat menjelang Hari Raya Aidilfitri," ujarnya.

Sementara itu, bagi sepupu beliau, pemilik S. Aisya, Datin Hajah Latifah binti Haji Yaakub, 68, dari Kampung Sungai Besar berkata, beliau telah memulakan perniagaan sejak 10 tahun yang lalu.

Menurut beliau, pengusaha tempatan harus berdaya saing untuk meraih kejayaan melalui peluang-peluang yang sedia ada, bukan sahaja bagi merebut peluang-peluang yang ada dalam negara, malah lebih jauh peluang-peluang serantau dan antarabangsa.

"PKS merupakan tulang belakang kepada pertumbuhan ekonomi negara kita. Ia merupakan salah satu sektor perindustrian yang kini dilihat sebagai antara industri yang memainkan peranan penting dalam pertumbuhan ekonomi negara kita," terang beliau.




PEMILIK Khai Nur Kraf, Dayang Hajah Nisbah binti Haji Awang Moksin ketika membuat produk beliau.

# Hentikan spekulasi, elakkan kesalahfahaman

Siaran Akhbar : Pasukan Polis Diraja Brunei

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 12 Januari. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) telah menerima laporan mengenai kes perkelahian yang berlaku di kawasan Jalan Kuala Lurah.

Sehubungan itu, pihak polis masih menjalankan siasatan berhubung kes berkenaan.

Bagi mengelakkan kesalahfahaman mengenai kes tersebut, orang ramai dinasihatkan supaya tidak akan menimbulkan sebarang spekulasi atau hasutan yang boleh memudaratkan orang lain dan sebagainya.

Jika orang ramai mempunyai sebarang maklumat mengenai kes ini bolehlah berhubung ke balai-balai polis yang berdekatan atau talian kecemasan 993. Segala maklumat yang diberikan / dikongsikan kepada pihak polis akan dijaga kerahsiaannya. Pemberi maklumat juga tidak akan didedahkan.

# IHS PAPRSB - Hospital Nopparat Rajathanee meterai MoU

**Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas**

**TUNGKU LINK**, Rabu, 11 Januari. - Perjanjian yang dimeterai oleh Institut Kesihatan Sains (IHS) Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah (PAPRSB), Universiti Brunei Darussalam (UBD) dengan The Occupational and Environmental Institute of Nopparat Rajathanee Hospital, Kementerian Kesihatan Awam, Thailand akan menyediakan kedua-dua pertubuhan satu rangka kerja bagi meningkatkan lagi kerjasama dalam bentuk pertukaran kakitangan dan para pelajar, mengetepikan kos bagi kehadiran masing-masing dalam kursus-kursus pendek yang bersesuaian, seminar bersama dan projek-projek penyelidikan dan pembangunan bersama.

Majlis Penandatanganan Perjanjian Memorandum Persefahaman (MoU) berlangsung di UBD.

Menandatangani bagi pihak UBD, Dekan IHS PAPRSB, Dr. Hajah Rafidah binti Haji Gharif sementara The Occupational and Environmental Institute of Nopparat Rajathanee Hospital ditandatangani oleh Pengarahnya, Dr. Somboon Tosborvorn M.D.

Turut hadir bagi menyaksikan majlis penandatanganan, Penolong Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Profesor David Koh dan Ketua Pengarah dari Jabatan Perkhidmatan Perubatan, Kementerian Kesihatan Awam, Dr. Theerapol Topanthanont M.D.

Hospital Nopparat Rajathanee adalah merupakan sebuah pusat pekerjaan kesihatan yang terkemuka di Thailand.

Penumpuan hospital tersebut adalah pada diagnosis, rawatan dan pencegahan penyakit, di samping bekerja dengan agensi-agensi lain dan berkhidmat sebagai sebuah pihak berkuasa kesihatan.

Kerja-kerja mereka memberi tumpuan kepada diagnosis penyakit, pekerjaan dan persekitaran, merumuskan panduan kebangsaan, penetapan standard untuk pemantauan kesihatan (seperti pemandu lesen fizikal pemeriksaan setiap dua tahun), mewujudkan kursus-kursus latihan dan meningkatkan keupayaan.

Mereka mempunyai Occupational Health Clinic yang menyediakan perkhidmatan kesihatan pekerjaan dan berperanan selaku hos Pusat Kebangsaan Toksikologi.

UBD membangunkan program sarjana kesihatan awam sejak tahun 2008 dan bekerjasama dengan para profesional dan profesor-profesor terkemuka dalam bidang tersebut.



MAJLIS Penandatanganan Perjanjian Memorandum Persefahaman (MoU) di antara IHS PAPRSB dengan The Occupational and Environmental Institute of Nopparat Rajathanee Hospital, Kementerian Kesihatan Awam, Thailand.

# JPP catat 250,000 pengunjung pada tahun 2016

**Berita dan Foto : Ihsan Jerudong Park Country Club**



SELAIN menjadi tempat pusat hiburan keluarga terbesar di negara ini, JPP juga menjadi tuan rumah kepada pelbagai acara yang menarik ramai pengunjung.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 11 Januari. - Musim cuti penggal persekolahan pada bulan Disember yang lalu merupakan satu lagi tahun kejayaan bagi Taman Permainan Jerudong (Jerudong Park Playground - JPP) kerana mencatatkan 250,000 pengunjung ke taman tersebut sepanjang tahun 2016.

JPP dilancarkan semula pada tahun 2014 dan sehingga kini, JPP hampir mencecah seramai 700,000 pengunjung sejak ia dibuka semula kepada orang ramai yang mana ia dijangkakan akan mencecah 1,000,000 pengunjung pada tahun 2017.

Menurut Siaran Akhbar JPP, pada bulan Disember sahaja telah menyaksikan JPP merekodkan lebih 55,000 pengunjung memandangkan ramai yang memilih untuk bersiar-siar di taman tersebut dari keluar negara.

Dengan purata lebih 5,000 pengunjung pada setiap minggu bagi setiap tahun, taman tersebut juga telah meningkatkan perniagaan bagi kawasan medan selera yang berdekatan dan juga di kawasan Jerudong.

Dengan pembukaan semula piawaian antarabangsa F1 & F2 Supakarts dan Pancuran Air Muzikal di Jerudong Park Garden, senarai tarikan terus berkembang di destinasi pelancongan Brunei yang paling dikunjungi.

Berikutan sambutan begitu menggalakkan sejak dilancarkan semula dan di atas sokongan yang berterusan daripada orang ramai, pengurusan JPP akan meneruskan usaha dalam meningkatkan produk dan perkhidmatannya di tahun ini.

Selain dari menjadi tempat pusat hiburan keluarga terbesar Brunei, JPP telah menjadi tuan rumah kepada pelbagai acara yang telah menarik ramai pengunjung sepanjang tahun.

Salah satu acara kemuncak pada tahun lalu ialah persembahan bunga api yang menakjubkan sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

JPP telah menjadi destinasi yang ideal untuk mempamerkan usahawan tempatan dan menjadi hos syarikat terbesar dan jenama di Brunei.

Taman permainan tersebut juga dengan bangganya menjadi tumpuan tempat para pemuzik tempatan mempersembahkan karya seni mereka di mana para pengunjung boleh duduk, berehat dan menikmati persembahan secara langsung di JP Colonnade.

Pada penghujung tahun 2016, JPP menutup tirainya dengan Escape JP : Diamond Heist Misteri yang disertai oleh lebih 800 peserta.

Pada tahun baharu ini, JPP ingin melakukan yang terbaik untuk menampung keperluan semua dengan pelbagi acara yang bakal dianjurkan.

Untuk maklumat lanjut hubungi +673 2611777 atau e-mel di *sbd.marketing@jpcc.com.bn*.

# Kejayaan pengeluaran jangka pendek sekuriti Sukuk Al-Ijarah

**Siaran Akhbar : Autoriti Monetari Brunei Darussalam**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 13 Januari. - Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD), ejen kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam mengurus dan mentadbir pengeluaran Sukuk Al-Ijarah, dengan sukacitanya mengumumkan kejayaan penentuan harga bagi pengeluaran sekuriti Sukuk Al-Ijarah jangka pendek ke-141.

Jumlah pengeluaran Sukuk tersebut berjumlah BND100 juta dengan butiran berikut iaitu bagi siri ke-141, tarikh pengeluaran adalah pada 12 Januari 2017 dengan tempoh matang pada 13 April 2017 dalam tempoh 91 hari dengan kadar sewa 0.6250%.

Menerusi pengeluaran ini, Kerajaan Brunei setakat ini telah mengeluarkan sekuriti jangka pendek Sukuk Al-Ijarah bernilai lebih BND10.5282 bilion sejak tawaran sulungnya pada 6 April 2006 dan jumlah pegangan Sukuk Kerajaan Brunei yang terkumpul sehingga 12 Januari 2017 adalah berjumlah BND573.2 juta.

## Kejohanan Lawan Pedang Terbuka Brunei 2017

# Pasukan BM 'A' rangkul dua pingat emas




PASUKAN Brunei-Muara 'A' memenangi pingat emas bagi Kategori Kumpulan Sabre Lelaki pada Kejohanan Lawan Pedang Terbuka Brunei 2017 yang berlangsung di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 13 Januari. - Pasukan Brunei-Muara (BM) 'A' diumumkan sebagai juara sekali gus merangkul pingat emas pada Kejohanan Lawan Pedang Terbuka Brunei 2017 bagi Kategori Kumpulan Sabre Lelaki yang berlangsung di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, di sini.

Juara terdiri dari Hardiwanshah Rahim, Danish Asahrin, Haziq Asahrin dan Yunus Hamid berjaya menewaskan pasukan dari Republik Filipina dengan mata 45 - 31 dan menjadikan Pasukan Filipina penyandang pingat perak diikuti penerima pingat gangsa oleh pasukan dari BM 'B'.

Sementara itu, Pasukan BM 'A' terdiri dari Dayang Hajah Anis Sabrina Haji Yahya, Dayang Maisarah Mahusin dan Dayang Elena Haji Anwar menyandang pingat emas bagi Kategori Kumpulan Foil Wanita.

Juara menewaskan Pasukan Thailand dengan mata 45 - 44 sekali gus menerima pingat perak, manakala pingat gangsa ialah Pasukan Filipina.

Dalam pertandingan akhir Kategori Kumpulan Epee Lelaki telah dijuarai oleh Pasukan Filipina yang berjaya mendapat pingat emas setelah menewaskan Pasukan BM 'A' yang mendapat tempat kedua dengan pungutan mata 45 - 36.

Manakala pingat gangsa telah dimenangi oleh Pasukan BM 'B'.

Penyampaian pingat-pingat kepada para pemenang disempurnakan oleh Pengurus Pasukan dari Filipina, Dolores Odulio.

Kejohanan akan diteruskan pada hari berikutnya dengan Kategori Kumpulan Sabre Wanita, Kategori Kumpulan Foil Lelaki dan Kategori Kumpulan Epee Wanita.

Pada tahun ini, kejohanan dibahagikan kepada enam kategori individu dan enam kategori kumpulan yang melibatkan lebih 90 pemain.

Kejohanan anjuran Persekutuan Lawan Pedang Brunei Darussalam turut disokong oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang diadakan selama enam hari dengan menyaksikan penyertaan dari negara Hong Kong, Malaysia, Myanmar, Republik Filipina, Thailand dan Negara Brunei Darussalam.



PEMAIN pasukan Brunei-Muara 'A' berjaya menewaskan pemain Pasukan Thailand dan sekali gus memenangi pingat emas bagi Kategori Kumpulan Foil Wanita.

# Atlet negara raih tempat ketiga

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

**BERAKAS,** Khamis, 12 Januari. - Atlet dari Malaysia, Lim Jin Quan berjaya merangkul gelaran juara bagi Kategori Men's Foil Individual pada Kejohanan Lawan Pedang Terbuka Brunei 2017 yang berlangsung di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Naib juara bagi kategori tersebut disandang atlet dari Myanmar, Min Thiha, manakala Awang Qawi Iskandar dari Negara Brunei Darussalam bersama Jacob Gabriel Villanueva dari Republik Filipina mendapat tempat ketiga.

Sementara itu, bagi Kategori Women's Epee Individual, atlet-atlet wanita dari Thailand mempamerkan aksi memberangsangkan dengan meraih tiga tempat teratas bagi kategori berkenaan di mana tempat ketiga dikongsi bersama atlet dari Malaysia.

Sasithorn Tiebpia dan Neeracha Niemcharoen masing-masing merebut gelaran juara dan naib juara bagi kategori tersebut, manakala tempat ketiga dimenangi oleh rakan senegara mereka, Kanyapat Meechai dan Laura Simon dari Malaysia.

Penyampaian pingat kepada para pemenang disempurnakan oleh Yang Di-Pertua Persekutuan Lawan Pedang Negara Brunei Darussalam (BDFF), Awang Haji Kassim bin Bakar.

Kejohanan anjuran BDFF itu telah diadakan bermula 9 Januari yang lalu hingga 14 Januari ini yang mana melibatkan peserta-peserta dari beberapa buah negara termasuk Brunei Darussalam, Malaysia, Thailand, Republik Filipina dan Hong Kong.




PESERTA negara, Awang Qawi Iskandar mendapat tempat ketiga bagi Kategori Men's Foil Individual pada Kejohanan Lawan Pedang Terbuka Brunei 2017 yang berlangsung di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.




SASITHORN Tiebpia dan Neeracha Niemcharoen masing-masing dari Thailand merebut gelaran juara dan naib juara bagi Kategori Women's Epee Individual.

## Tahukah Awda

**TIDAK** melekatkan lesen kenderaan dengan cara yang telah ditetapkan menurut Akta di bawah Peraturan 20, Peraturan-Peraturan Lalu Lintas Jalan Raya (Perlesenan Kenderaan Bermotor dan Treler), 2013 adalah menjadi satu kesalahan.

Menurut Akta tersebut, "Mana-mana orang yang menggunakan sesebuah kenderaan bermotor atau treler di atas mana-mana jalan raya tanpa suatu lesen yang sah dilekatkan dengan cara yang ditentukan, adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh dikenakan denda sebanyak dua ratus ringgit (BND200), dihukum penjara selama dua (2) bulan atau kedua-duanya sekali,".

**SUMBER : Siaran Akhbar Jabatan Pengangkutan Darat.**


ePaper Pelita Brunei

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

SEMBAHYANG MENCEGAH PERBUATAN KEJI DAN MUNGKAR

دتربيتكن اوله جابتن ڤنراڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوله جابتن ڤرچيتقن كراجان، نڬارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.